

“UNTUK itu, kita mestilah mengemaskinkan segala perancangan dan pelaksanaan sumber tenaga manusia serta dasar-dasar yang berkaitan dengannya.” - Titah Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-62 tahun pada 13 Rejab 1429 / 15 Julai 2008.

“MAHA suci Allah yang menjalakan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) pada malam hari daripada Masjidilharam di Mekah ke Masjidilqsa yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepada-Nya kekuasaan dan kebesaran Kami. Sesungguhnya Allah jualah Maha Mendengar, Lagi Maha Mengetahui.” Surah Al Israa' ayat 1.

دولت کباوه دولی توان قاتیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Kebawah DYMM kurniakan kunci rumah, lot perumahan Perumahan rakyat terus diutamakan

KEBERANGKATAN baginda menyempurnakan setiap kali penyerahan anak kunci menggambarkan betapa baginda memedulikan dan prihatin akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Jaafar Ibrahim, Bolhassan Haji Abu Bakar, Abu Bakar Haji Abdul Rahman, Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

LAMBAK KANAN, Rabu, 30 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres Di Bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, Gadong serta Rumah Kembar dan Perumahan Di Bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Rimba, Kampung Tungku, Gadong dan

Kampung Madang bagi Daerah Brunei dan Muara. Keberangkatan baginda menyempurnakan setiap kali penyerahan anak kunci menggambarkan betapa baginda sangat memedulikan dan prihatin akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Ini tentunya juga memperlihatkan dan bukti dengan jelas betapa baginda dan kerajaan baginda sangat-sangat mengambil perhatian yang serius dan terus-menerus mengutamakan perumahan rakyat dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) melalui RPN dan STKRJ yang telah pun berjalan sejak tahun 1980.

Di majlis itu, baginda berkenan mengurniakan sebanyak 308 buah rumah kepada para penerima, yang mana 295 buah daripadanya di bawah RPN Kampung Rimba Gadong yang merangkumi 83 buah rumah jenis *deluxe*, 74 jenis *standard* dan 138 buah rumah teres.

Sementara itu seramai sebelas orang menerima lot perumahan, yang mana dua orang daripadanya merupakan penerima lot perumahan di bawah RPN Kampung Rimba, Gadong dan lapan orang penerima bagi lot perumahan STKRJ Kampung Madang, Berakas, manakala seramai dua orang menerima anak kunci rumah kembar di bawah STKRJ Kampung Rimba, Gadong.

Ke muka 24



BERJIWA RAKYAT ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama keluarga seorang penerima Awang Zulzali bin Haji Serudin. - Foto: Ramli Tengah.

Bendera besar berkibar megah

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, selaku Penasihat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64.

Ke muka 24

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Julai. - Dalam masa dua minggu saja lagi rakyat serta penduduk negara ini akan meraikan acara kebesaran negara, Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64.

Sempena dengan sambutan tersebut, Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 mengadakan Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam berukuran 3.7 meter x 7.3 meter berlangsung di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan

DI DALAM

Muka 5



Persiapan Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah

'RASUAH MUSUH NEGARA'



Pesanan daripada
Biro Mencegah Rasuah

Talian Penting : 143

Gerakan koperasi jajana ekonomi negara

Bismillahir
Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh
dan salam sejahtera

TERLEBIH dahulu ingin saya merasa bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia serta rahmat-Nya jua, dapatlah kita sama-sama berkumpul di majlis yang penuh berkebahjikan ini.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik Pembangunan Koperasi 2010 - 2015 kerana telah memberi penghormatan kepada saya untuk hadir selaku tetamu kehormat di majlis ini dan seterusnya memberi peluang untuk menyampaikan ucapan dan melancarkan Buku Pelan Strategik Pembangunan Koperasi 2010 - 2015 ini.

Saya seterusnya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) kerana telah berjaya menyediakan Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Jangka Pendek dan Sederhana. Pelan Strategik Pembangunan Koperasi yang akan dilancarkan sebentar lagi adalah atas hasrat Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk dijadikan



UCAPAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar sempena Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik Pembangunan Koperasi, bertempat di Dewan Persidangan Antarabangsa BRIDEX, Jerudong pada 29 Mei 2010.

sebagai garis panduan bagi Jabatan BINA dalam usaha untuk mencapai sasaran serta hala tuju gerakan koperasi di negara ini. Usaha ini adalah bagi memastikan agar gerakan koperasi akan terus berkembang maju serta mencapai matlamatnya sebagai sebuah pertubuhan yang berkualiti dan seterusnya mampu untuk menjadikan pergerakan koperasi sebagai sektor ketiga penyumbang kepada pertumbuhan

ekonomi negara.

Di dalam Pelan Strategik Pembangunan Koperasi 2010 - 2015 ini, beberapa program pelaksanaan telah disediakan yang mana akan melibatkan pemimpin-pemimpin koperasi untuk sama-sama dengan pihak kerajaan untuk membuat sebarang perancangan dan tindakan jangka panjang bagi memastikan gerakan koperasi di negara ini akan terus berkembang maju dan mencapai sasaran seperti mana yang dihasratkan oleh koperasi mahu pun oleh pihak kerajaan.

Kemampuan gerakan koperasi di dalam menjana ekonomi memang sudah diakui. Hal ini dapat dilihat di negara-negara maju seperti negara-negara dalam Kesatuan Eropah, Kanada, Jepun, Korea dan sebagainya. Umpamanya pengeluaran dan pembekal produk-produk daging dan tenusu yang sepuluh teratas di Kesatuan Eropah terdiri daripada koperasi - koperasi. Ini telah membuktikan bahawa koperasi juga mampu menerokai projek-projek yang berskala besar. Koperasi juga adalah sebagai organisasi yang terdiri daripada individu yang mempunyai

KEMAMPUAN gerakan koperasi di dalam menjana ekonomi memang sudah diakui. Hal ini dapat dilihat di negara-negara maju seperti negara-negara dalam Kesatuan Eropah, Kanada, Jepun, Korea dan sebagainya. Umpamanya pengeluaran dan pembekal produk-produk daging dan tenusu yang sepuluh teratas di Kesatuan Eropah terdiri daripada koperasi-koperasi. Ini telah membuktikan bahawa koperasi juga mampu menerokai projek-projek yang berskala besar. Koperasi juga adalah sebagai organisasi yang terdiri daripada individu yang mempunyai aspirasi yang sealiran di dalam sesuatu bidang kegiatan yang dipunyai secara bersama dengan mengamalkan sikap bekerjasama dan perpaduan di kalangan anggota-anggotanya.

aspirasi yang sealiran di dalam sesuatu bidang kegiatan yang dipunyai secara bersama dengan mengamalkan sikap bekerjasama dan perpaduan di kalangan anggota-anggotanya.

Saya melihat bahawa prinsip, konsep, nilai-nilai dan budaya koperasi yang menjadi amalan koperasi adalah sangat sesuai dan bertepatan untuk membentuk masyarakat yang harmoni yang mana amalan dan budaya koperasi menuntut kepada perpaduan, keadilan dan kesaksamaan di kalangan anggota-anggotanya. Oleh itu, adalah perlu budaya tersebut akan dapat ditamamkan serta diamalkan oleh masyarakat umum.

Menyentuh mengenai pengurusan dan pentadbiran koperasi, saya berharap kepada pemimpin-pemimpin koperasi supaya akan meningkatkan kualiti pengurusan yang lebih profesional. Ini adalah semata-mata untuk menjamin supaya perjalanan dan urusan niaga koperasi akan lebih teratur dan bersistem dan dapat menghasilkan pulangan yang baik kepada anggota dan koperasi.

Perkara yang perlu diingat dan diambil berat adalah mengenai dengan peranan dan tanggungjawab anggota Lembaga Koperasi. Ahli Lembaga Koperasi adalah dihasratkan untuk menunaikan kewajipan dan tanggungjawab terhadap koperasi

dengan penuh dedikasi, jujur, amanah dan berdisiplin. Jangan sekali-kali mengurus koperasi untuk kepentingan sendiri. Tindakan hendaklah jelas, tulus dan berlandaskan akan kepentingan koperasi menurut prinsip, konsep dan perundangan koperasi.

Pada waktu yang sama, saya menyeru kepada semua pemimpin-pemimpin dan warga koperasi supaya akan sama-sama mendukung dan memberikan sokongan dan kerjasama untuk menjayakan segala program-program yang telah dirancang. Sokongan dan kerjasama juga diperlukan daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk melicinkan lagi segala urusan yang diperlukan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sukacita sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan dan banyak terima kasih kepada Pengerusi dan Jawatankuasa Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik Pembangunan Koperasi yang telah sudi menjemput saya di acara pagi ini.

Dengan mendahului kalimah **Bismillahir Rahmanir Rahim** dan dengan berselawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sukacita saya melancarkan Buku Pelan Strategik Pembangunan Koperasi 2010 - 2015.



3 JULAI 2010 BERSAMAAN 1431 رجب 20

PEMEDULIAN, PRIHATIN PERUMAHAN RAKYAT

KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Lot Tanah kepada 308 penerima minggu lalu mencerminkan keprihatinan dan pemedulian memedulikan baginda akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Baginda sejak penganugerahan anak-anak kunci rumah pada tahun 1986 sehingga ke hari ini terus berangkat mengurniakan kunci rumah, geran tanah dan lot perumahan kepada rakyat dan penduduk negara ini yang tidak mempunyai tanah seperti Skim Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ).

Inilah menggambarkan kepada kita semua betapa baginda seorang raja yang berjiwa rakyat yang sentiasa mengambil perhatian yang serius kepada penghidupan rakyat baginda ke arah kehidupan kualiti yang lebih tinggi dan bermakna. Sebab itu, kerajaan merancang sebegitu rupa skim RPN dan STKRJ, iaitu dua skim terbesar yang dilancarkan oleh kerajaan sejak tahun 1980 lagi yang bermatlamatkan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk di seluruh negara tanpa mengira kedudukan dan di mana mereka tinggal, semuanya akan diberikan hak yang sama terutama sekali mereka yang tidak mempunyai tanah akan diberikan prioriti mengikuti skim-skim perumahan berkenaan, di samping penganugerahan geran tanah dan sebagainya.

Alhamdulillah setakat Mei 2010 ini jumlah keseluruhan rumah-rumah yang telah diserahkan di bawah RPN dan STKRJ ialah 12,008 buah rumah di seluruh negara. Setakat ini juga di bawah Skim RPN sejumlah 1,693 lot tanah, 6,441 rumah dan 296 rumah teres yang membawa kepada jumlah keseluruhan 8,430 rumah telah diserahkan. Projek ini merangkumi kawasan Daerah Brunei dan Muara terdiri dari Kampung-kampung Lambak Kanan, Rimba, Mentiri, Serasa, Meragang dan Kampung Tanah Jambu, kawasan Daerah Belait meliputi Kampung-kampung Pandan, Lumut/Sungai Liang dan Lorong Tengah, Daerah Tutong terletak di Kampung Bukit Beruang dan di Daerah Temburong terletak di Kampung Rataie. Bagi Skim STKRJ pula sejumlah 3,578 buah telah diserahkan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus komited dan terus meneruskan pemedulian kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini. Di mana insya-Allah sehingga tahun 2014 kira-kira 17,500 buah rumah akan siap dibina. Mengikut program pelaksanaan projek-projek perumahan yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Kerja Raya, lebih 10,000 buah rumah sedang dan akan dibina dan dijangka siap sehingga tahun 2012. Sementara itu 7,500 buah rumah lagi sedang dan akan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan dijangka siap sehingga tahun 2012 dan 2014. Ini menggambarkan betapa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus komited dan sentiasa berusaha gigih meningkatkan pemedulian ke arah meningkatkan lagi kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata melalui kedua-dua skim perumahan berkenaan. Inilah janji baginda dan janji kerajaan bagi menjamin taraf kehidupan rakyat dan penduduk di negara berdaulat ini.

Ini bertepatan dengan titah baginda sempena keberangkatan baginda ke Kampung Lambak Kanan, Mukim Berakas bagi menyempurnakan Penganugerahan Anak-anak Kunci Di Bawah Skim RPN Lambak Kanan Peringkat Ke-1V Fasa II pada 18 Mei 1991. Antara lain baginda bertitah menekankan: "Tidak ada yang lebih mulia dan agung bagi sesebuah kerajaan atau negara itu, dari sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan-keperluan asasi rakyat terutama dalam menyediakan perumahan atau tempat tinggal untuk mereka. Sesungguhnya banyak sekali negara-negara di dunia yang gagal berbuat demikian itu kerana berpunca dari berbagai-bagai sebab, seperti kerana kemiskinan, atau kerana faktor-faktor sosiopolitik yang mengganggu pembangunan dan perancangan mereka."

Tetapi alhamdulillah bagi Negara Brunei Darussalam berkat kepimpinan bijaksana seorang raja yang sentiasa bekerja keras bagi mengelirakan kehidupan rakyat baginda ke arah peningkatan kualiti kehidupan yang lebih tinggi telah tercapai dengan jayanya berkat perancangan berkesan yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan. Skim RPN dan STKRJ telah benar-benar merubah penghidupan sebilangan rakyat jelata seperti yang dapat kita saksikan ketika ini di mana wujudnya perkampungan perumahan 'gergasi' di seluruh pelusuk tanah air.

Sebagai rakyat dan penduduk terutama sekali para penerima rumah-rumah kedua-dua skim berkenaan sewajarnya perlu berterima kasih kepada baginda dan kerajaan baginda di atas keprihatinan yang begitu mendalam serta mencerminkan sikap pemedulian serta rasa kasih sayang baginda kepada rakyat dan penduduk. Sesungguhnya penganugerahan perumahan rakyat setentunya dapat meningkatkan lagi taraf hidup para penerima dan seterusnya menanamkan tekad taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda dan kerajaan baginda untuk terus menyokong dan mendukung kepimpinan baginda dalam memajukan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini. - **KETUA BAHAGIAN PELITA BRUNEI.**

Lantikan Pengarah Perkhidmatan Elektrik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Jun. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan pegawai-pegawai berikut:

Awang Haji Jamian bin Haji Julaihi, Pengerus Operasi Brunei LNG Sendirian Berhad diperbantukan (*second*

ded) ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah Perkhidmatan Elektrik di JPE, Jabatan Perdana Menteri.

Awang Musa bin Metali, Ketua Unit Pembahagian dan Penghantaran JPE, Jabatan Perdana Menteri dilantik sebagai Timbalan Pengarah Perkhidmatan Elektrik di JPE, Jabatan Perdana Menteri.

Tarikh pelantikan pegawai-pegawai tersebut bermula pada 01 Julai 2010.

Sidang Pengarang

Ketua Penyuntingan

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,
Haji Jaafar Haji Ibrahim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra, Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Nur Hidayati Haji Haris,
Siti Nadieya Haji Rahime,
Dk. Aliyah Majiidah Pg. Haji Ali

Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim,
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

Penyelaras dan Reka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd. Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh, Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Mohammad Izzuddin Jeffree, Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi, Muhammad Hamdanajib Haji Domeng

Pemberitaan

Zabaidah Haji Salat,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzairi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraihah Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Shari Haji Garib,
Aryentty Haji Ariffin,
Nurhidayah Haji Kamis

Berangkat melawat Sekolah Rendah Dato Basir

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

MUKIM BERAKAS B, Rabu, 30 Jun. - Bidang pendidikan terus mendapat perhatian serius oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam apabila baginda berkenan berangkat melawat Sekolah Rendah Dato Basir di Jalan 77, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.

Alunan lagu *Menjunjung Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Sekolah Rendah Dato Basir* yang dipersembahkan oleh kumpulan koir gabungan murid-murid Pra dan Tahun Satu hingga Enam menarik perhatian baginda berangkat tiba di sekolah berkenaan.

Keberangkatan baginda ke sekolah yang mula beroperasi se-

jak 1 April 1996 itu adalah bersempena Majlis Menyempurnakan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah dan Rumah Teres Di Bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Gadong serta Rumah Kembar dan Perumahan Di Bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, Kampung Tungku, Gadong dan Kampung Madang bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di dewan sekolah tersebut.

Sejurus selepas itu baginda berangkat meninjau aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh murid-murid Tahun Satu, Dua, Empat dan Lima dalam pembelajaran Kreatif dan Seni Reka Teknologi di bawah Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Baginda kemudiannya berangkat menyaksikan murid-murid yang mengikuti kegiatan senaman dan olahraga di halaman sekolah sebelum berangkat ke bilik-

bilik darjah serta Makmal Sains dan blok pentadbiran sekolah.

Sekolah yang mempunyai dua blok kekal dengan keramaian murid 538 orang serta 38 orang tenaga pengajar yang terdiri daripada 14 orang pegawai pelajaran dan 24 orang guru itu turut menyenaraikan Program-program Akademik Sekolah Tahun 2010, antaranya ialah Program Intervensi *Sayang Di Sayang*, Program *Belajarlal Alaiku, Helo Pembaca, Muridku Sayang, Cekap Sifir dan Kelas Bimbingan*.

Sesungguhnya keberangkatan baginda ke sekolah yang diletakkan di bawah Kawasan Brunei II A itu akan meninggalkan kenangan manis kepada seluruh warga sekolah khususnya murid-murid dan tenaga pengajar dalam meningkatkan lagi prestasi sekolah berkenaan terutama dalam bidang akademik.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tertarik dengan persembahan lagu *Menjunjung Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Sekolah Rendah Dato Basir* oleh kumpulan koir gabungan murid-murid Pra dan Tahun Satu hingga Enam menarik perhatian baginda sejurus berangkat tiba di sekolah berkenaan. (atas kanan), sementara kiri baginda ketika meneliti salah sebuah buku murid sekolah berkenaan. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.



Berangkat melawat Perpustakaan Lambak Kanan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

LAMBAK KANAN, Rabu, 30. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat ke Perpustakaan Lambak Kanan yang terletak di Jalan 99, Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan di sini.

Keberangkatan tiba baginda di junjung dan dialu-alukan oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat dan Dato Paduka Awang Haji Md. Hamid serta Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Bahasa, Dayang Aminah binti Haji Momin.

Keberangkatan ini merupakan salah satu atur cara sempena Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah dan Rumah Teres Di Bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Gadong serta Rumah Kembar dan Perumahan Di Bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, Kampung Tungku, Gadong dan Kampung Madang, bagi Daerah Brunei dan Muara.

Semasa keberangkatan lawatan tersebut baginda telah meninjau secara dekat kemudahan-kemudahan yang terdapat di perpustakaan tersebut seperti bilik sudut siber, perpustakaan kanak-kanak dan perpustakaan muda-mudi.

Keberangkatan baginda ini sememangnya dinantikan oleh para pegawai dan kakitangan perpustakaan berkenaan kerana ianya merupakan detik bersejarah selain berpeluang untuk berjunjung ziarah dan bergambar ramai.

Sebelum berangkat meneruskan lawatan baginda juga telah berkenan meninjau bas perpustakaan bergerak yang terletak di luar bangunan perpustakaan tersebut.

Perpustakaan yang dibuka setiap hari kecuali hari Jumaat dan hari kelepasan awam ini di buka rasmi pada 18 Mac 2008 oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad.

Peletakan batu asas bangunan tersebut telah dilaksanakan pada 19 Disember 2005 dan pembinaannya bermula pada 29 ogos 2005 dan siap sepenuhnya pada 9 September 2008.

Bangunan Perpustakaan Lambak Kanan ini dilengkapi dengan berbagai kemudahan seperti ruang pembaca, kaunter peminjaman, bilik perbincangan, ruang bacaan kanak-kanak serta surau dengan menelan belanja BND975,525.

Sehingga April 2010 perpustakaan ini mempunyai 1612 orang ahli di mana golongan dewasa mencatatkan seramai 421 orang, muda-mudi 637 orang dan kanak-kanak 554 orang.

Manakala jumlah buku yang terdapat di perpustakaan ini sejak 1998 hingga 2009 berjumlah 17,179 buah.

Pada hujung minggu perpustakaan ini mencatatkan purata kunjungan paling ramai dimana golongan dewasa mencatatkan seramai 43 orang, muda-mudi 56 orang dan kanak-kanak seramai 48 orang berbanding catatan hari biasa di mana golongan dewasa mencatatkan seramai 35 orang, muda-mudi 25 orang dan kanak-kanak 16 orang.

Kebawah DYMM teruskan lawatan ke Soon Lee Mega Mart

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Ramli Tengah, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

LAMBAK KANAN, Rabu, 30. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat ke Pasar Mega Makmur (*Soon Lee Mega Mart*) yang terletak di Jalan Penghubung Berakas, Mukim Berakas 'B'.

Sejurus keberangkatan baginda di junjung dan dialu-alukan oleh Pengurus Am syarikat tersebut Awang Md. Adzmi bin Haji Sulaiman dan pemilik bangunan tersebut Awang Haji Awang bin Haji Ibrahim.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya di junjung berangkat untuk meninjau kebahagiaan tingkat satu iaitu bahagian *supermarket* yang menjual barang-barang pakaian dan dikuti ke bahagian bawah iaitu *cold storage* yang menjual barang-barang makanan termasuk makanan beku.

Sebelum mengakhiri lawatan tersebut baginda telah berkenaan bagi sesi bergambar ramai selain menerima junjung ziarah dari pegawai dan kakitangan



BAGINDA ketika menitahkan sesuatu kepada Pengurus Am Syarikat Pasar Mega Makmur Awang Md. Adzmi bin Haji Sulaiman.

syarikat tersebut.

Soon Lee Mega Mart mula ditubuhkan pada tahun 1986 sebagai sebuah kedai runcit yang menawarkan produk-produk untuk kegunaan harian dengan cawangan pertamanya dibuka di Daerah Tutong.

Sehingga kini *Soon Lee Mega Mart* mempunyai tenaga kerja lebih 400

orang di mana 70 peratus adalah anak-anak tempatan.

Ketika ini syarikat ini mempunyai 13 buah cawangan di mana sembilan darinya berada di Daerah Brunei dan Muara, satu di Daerah Tutong dan tiga di Daerah Belait.

Objektif utama *Soon Lee Mega Mart* ialah untuk memberi peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan yang berminat dengan syarikat ini.

Kebawah DYMM terus prihatin, pemedulian kesejahteraan rakyat

Oleh : Jaafar Ibrahim, Bolhassan Haji Abu Bakar, Abu Bakar Haji Abdul Rahman, Siti Zuraiyah Awang Sulaiman
Foto : Ramli Tengah, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Abdul Kadir Md. Tahir



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin.

LAMBAK KANAN, BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Jun. – Pengurniaan anak-anak kunci rumah dan lot-lot rumah kepada 308 orang penerima yang disempurnakan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mencerminkan sikap keprihatinan, pemedulian serta rasa kasih sayang baginda kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Keberangkatan baginda di Majlis Menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Gadong serta Rumah Kembar dan Perumahan di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, Kampung Tungku, Gadong dan Kampung Madang di Dewan Sekolah Rendah Dato Basir merupakan satu anugerah serta penghormatan yang amat tinggi nilainya kepada para penerima.

Dalam sembah alu-aluannya Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin yang mewakili penerima menyampaikan menjunjung kasih yang setinggi-ting-

ginya ke hadapan majlis baginda atas limpah kurnia tersebut.

“Tidak syak lagi bahawa kurnia pengurniaan ini memberi makna yang amat besar dan sesungguhnya mencerminkan sikap rasa kasih sayang Kebawah Duli Tuan Patik yang bernang di bumi Brunei Darussalam yang sentiasa membuat kebajikan dengan petunjuk Allah,” sembah beliau lagi.

Penganugerahan tersebut, sembah Awang Haji Jamain, setentunya dapat meningkatkan lagi taraf hidup para penerima dan seterusnya menanamkan tekad taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda untuk terus mendokong kepimpinan dan kedaulatan baginda.

“Abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Tuan Patik sentiasa mendapat kurnia limpahan rahmat, dalam keredaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam”, sembah Awang Haji Jamain.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara seterusnya menyampaikan bahawa keberangkatan baginda itu sudah setentunya memberikan dan membawa sinar cahaya penghidupan yang lebih baik kepada para penerima kunci rumah dan lot perumahan.

Pengurniaan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah kepada para penerima bagi kedua-dua skim itu merupakan usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memedulikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Para penerima menjunjung kasih atas pengurniaan rumah-rumah

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Siti Zuraiyah Awang Sulaiman
Foto : Ramli Tengah, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Abdul Kadir Md. Tahir

RIMBA, Rabu, 30 Jun. – Para penerima anak-anak kunci rumah dan lot perumahan Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) menjunjung setinggi-tinggi terima kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keprihatinan baginda mengurniakan kunci rumah-rumah dan lot perumahan.

Mereka juga menyampaikan rasa kesyukuran dan menjunjung kasih serta merafakkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda dan kerajaan baginda.

Wakil PELITA BRUNEI menemu bual beberapa penerima yang kesemuanya melahirkan perasaan bersyukur di atas penganugerahan tersebut.

Awang Haji Johari bin Haji Abd. Hamid, penerima rumah jenis *Deluxe* bagi RPN Kampung Rimba menyatakan rasa syukur ke hadapan majlis baginda di atas kurnia lot tanah.

Ditanya mengenai keberangkatan baginda ke rumah beliau, Awang Haji Johari menjelaskan keberangkatan baginda adalah merupakan satu anugerah dan satu kenangan yang tinggi nilainya yang tidak dapat dilupakan oleh beliau dan keluarganya.

Di atas keberangkatan baginda itu, beliau menyampaikan/menjunjung kasih kepada baginda.

Ditanya mengenai sepanjang



AWANG Md Hilmy bin Haji Md Noor, "Saya memanjatkan kesyukuran yang berlipat ganda bukan sahaja kerana dikurniakan dengan rumah yang ada sekarang malahan baginda sendiri turut berkesudian berangkat bercemar duli."

pemerintahan baginda, beliau menjelaskan di atas kepimpinan baginda itu Negara Brunei Darussalam semakin maju dalam pelbagai bidang.

Di kesempatan itu beliau sekeluarga turut menyembahkan ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-64 pada tahun ini.

Awang Othman bin Haji Maidin, 46 tahun, yang menerima rumah teres bagi RPN Kampung Rimba telah menetap di rumah baru tersebut sejak dua bulan yang lalu, di mana sebelum ini beliau sekeluarga tinggal di rumah sewa di Kampung Jerudong.

Beliau yang ketika ini sudah berpencaharian tinggal bersama isteri dan enam orang anak beliau di rumah berkenaan.

"Alhamdulillah, kami sekeluarga menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan ini," ujarnya penuh gembira.

Perasaan gembira ini turut dirasakan dan dikongsi sama oleh Dayang Hajah Rapih binti Haji Enche, 72 tahun, yang menerima rumah teres dengan tiga buah bilik, ruang dapur, ruang tamu serta kamar mandi.

Bagi Awang Zulzali bin Haji Serudin pula, pengurniaan ini adalah suatu yang tidak ternilai baginya dan memang sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh beliau sekeluarga.

Beliau yang menerima ru-



AWANG Othman bin Haji Maidin, 46 tahun, melahirkan "Alhamdulillah, kami sekeluarga menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan ini."

mah jenis *standard* telah mendiami rumah tersebut sejak enam bulan yang lepas dan tinggal bersama isteri dan lima orang anaknya dan sebelum ini tinggal di rumah kerajaan di Kampung Bengkurong.

Sementara itu, Awang Abdullah bin Awang Ali yang ketika ini berkhidmat di Kementerian Pertahanan turut menjunjung setinggi terima kasih di atas pengurniaan yang diberikan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada beliau dan keluarganya.

"Saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas pengurniaan ini dan ianya adalah sesuatu yang cukup bermakna bagi saya dan keluarga saya," ujarnya.

Menurutnya, sebelum berpindah ke rumah baru ini sejak tujuh bulan yang lalu, beliau sekeluarga tinggal di flat kerajaan di Kampung Beribi selama sepuluh tahun.

Manakala bagi penerima Lot Perumahan RPN Kampung Rimba, Awang Md. Hilmy bin Haji Md. Noor, beliau menyifatkan keberangkatan baginda ke rumah mereka sebagai suatu kenangan manis bagi mereka sekeluarga.

"Saya memanjatkan kesyukuran yang berlipat ganda bukan sahaja kerana dikurniakan dengan rumah yang ada sekarang malahan baginda sendiri turut berkesudian berangkat bercemar duli," jelas beliau.

Awang Haji Metussin bin Haji Jaafar yang juga menerima lot perumahan bagi Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati turut melahirkan perasaan bersyukur atas pengurniaan yang tidak terhingga ini dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM di atas kemu-



AWANG Zulzali bin Haji Serudin menyatakan, pengurniaan ini adalah suatu yang tidak ternilai baginya dan memang sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh beliau sekeluarga.

rahan hati baginda bercemar duli berangkat ke rumah beliau.

Beliau, 47 tahun, yang ketika ini berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik sudah enam tahun mendiami rumah berkenaan bersama ahli keluarganya dan telah memohon sejak 20 tahun lalu.

Bagi Dayang Norhismawati binti Haji Ismail seorang kakitangan merasa *happy* dan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana mempunyai sebuah rumah kediaman untuk beliau dan sekeluarga.

Mengenai reka bentuk rumah, lokasi dan sebagainya, beliau menjelaskan dari segi reka bentuk rumah yang diterima alhamdulillah sungguh cantik dan menarik ditambah dengan lokasinya yang sesuai dengan keluarganya.

"Baginda adalah merupakan seorang raja yang berjiwa rakyat dan ketara sayangkan kepada semua lapisan rakyat dengan tidak mengira orang susah atau orang senang," jelas beliau.

Sepanjang pemerintahan baginda memerintah telah menampakkan perkembangan dan kemajuan negara ini dalam pelbagai bidang termasuk hubungan negara kitani bersama negara luar.

Salah satu bidang yang diberikan keutamaan dalam pemerintahan baginda ialah bidang penyediaan skim-skim perumahan untuk rakyat seperti Skim RPN dan STKRJ.

Pengurniaan tersebut merupakan sesuatu yang tidak ternilai kepada mereka dan akan menjadi ristaan sejarah yang tidak mungkin mereka lupakan.



DAYANG Hajah Rapih binti Haji Enche, 72 tahun melahirkan rasa gembira apabila menerima sebuah rumah teres tiga buah bilik, ruang dapur, ruang tamu serta kamar mandi.

Persiapan Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah

DAERAH BELAIT

**Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

KUALA BELAIT, Selasa, 22 Jun. - Menjelang Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 pada tahun ini berbagai persiapan kini sedang giat dilakukan antaranya latihan padang bagi majlis keberangkatan baginda bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk daerah ini.

Latihan padang di Padang Bandaran melibatkan lebih 200 peserta terdiri daripada 100 orang kumpulan koir Jabatan

Kerja Raya (JKR) dan Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB), manakala gabungan seramai 100 murid dari Sekolah Arab Kuala Belait dan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SUSOAS), Kuala Belait mempersembahkan lagu nasyid bertajuk *Raja Berdaulat Pemimpin Pilihan* diiringi pukulan gendang dari Kumpulan Mirza.

Hadir menyaksikan latihan tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Juga hadir Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pegawai-pegawai kanan, jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat swasta.

Majlis keberangkatan baginda bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk daerah ini dijangka akan diadakan pada 17 Julai ini nanti.

Dijangkakan lebih 2000 murid sekolah rendah di daerah ini mengibarkan bendera kecil negara berbaris sepanjang jalan yang dilalui baginda bagi mengalu-alukan keberangkatan baginda.

Atur cara majlis keberangkatan baginda di Padang Bandaran dimulakan

dengan lagu kebangsaan *Allah Selamatkan Sultan* diikuti dengan laungan *Daulat Kebawah Duli Tuan Patik* oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta ketua-ketua rumah panjang diketuai oleh Ketua Kampung Pandan C, Awang Haji Affendy bin Haji Awang Damit disusuli sembah kesyukuran dan taat setia oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba.

Baginda juga akan dijunjung menyaksikan perlawanan akhir tarik kalat peringkat kebangsaan bagi Kategori B *Heavy Weight* antara Pasukan *Chain Block* dari Daerah Brunei dan Muara dengan Pasukan Batalion Ketiga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Daerah Belait dan seterusnya me-



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyaksikan latihan padang bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

nyempurnakan pengurniaan hadiah kepada pemenang Kategori *Light Weight* dan *Heavy Weight*.

Sementara itu dalam perlawanan yang diadakan pada 19 Jun lalu Kategori

A dimenangi oleh pasukan dari Daerah Temburong, manakala pemenang Kategori C disandang oleh pasukan dari Daerah Tutong.

Selain persembahan pa-

dag turut disediakan khemah-khemah jamuan untuk orang ramai yang akan didirikan di kawasan letak kereta di Jalan Piasau yang boleh menampung sekitar 6,500 orang.

TEMBURONG

Berita dan Foto : Nurhidayah Haji Kamis



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin semasa meninjau latihan yang sedang giat dilaksanakan bagi menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Daerah Temburong pada bulan Julai nanti.

TEMBURONG, Rabu, 23 Jun. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 telah membuat lawatan tinjauan bagi meneliti dan mengemaskini persediaan latihan awal majlis keberangkatan

bertempat di Padang Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

Lawatan tinjauan tersebut ialah bagi meneliti persediaan dan persiapan latihan awal yang diungkapkan di setiap daerah khususnya bagi menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong agar berjalan dengan lan-

car dan kemas.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, para pegawai Jabatan Adat Istiadat dan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta pegawai di Jabatan Daerah Temburong.

TUTONG



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bersama Timbalannya menyaksikan latihan persembahan yang dilaksanakan di Daerah Tutong.

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Khamis, 24 Jun. - Latihan bagi acara kemuncak sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 bagi peringkat Daerah Tutong diadakan lagi di kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan.

Latihan bagi majlis keberangkatan baginda bercemar duli pada Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong ini merupakan kali kedua diadakan sebelum menjelangnya tarikh keberangkatan baginda nanti.

Hadir menyaksikan latihan tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Turut hadir Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mawardi bin Haji Abdullah; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat dan pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Daerah Tutong.

Ketibaan menteri dan rombongan dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu serta Ahli-ahli Jawatankuasa Peringkat Daerah.

Latihan dimulakan dengan persembahan koir lagu kebangsaan *Allah Selamatkan Sultan* dan disusuli dengan latihan laungan *Daulat Kebawah Duli Tuan Patik* yang melibatkan penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang yang dipimpin oleh Ketua Kampung Menengah, Awang Haji Roslee bin Ahad.

Semasa keberangkatan baginda nanti akan dipersembahkan koir sebanyak tiga segmen iaitu segmen pertama lagu *Doa Untuk Raja*, segmen kedua lagu *Raja Berdaulat* dan segmen ketiga lagu *Negara Brunei Negara Tercinta*.

Lawatan tinjauan tersebut ialah bagi meneliti persediaan-persediaan latihan dan mengemaskini persediaan awal yang diungkapkan di setiap daerah.

Mendermalah

kepada

Tabung Bantuan Kebajikan Kesihatan

melalui SMS dengan menaip

"derma20", "derma15", "derma10", "derma5" atau "derma1" dan hantarkan ke 38111 bagi pelanggan DST dan B.mobile.

Sumbangan abiskita akan disalurkan sepenuhnya kepada Tabung Bantuan Kebajikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan bagi membantu pesakit-pesakit yang berpenghidupan susah berdasarkan penilaian Bahagian Kebajikan Perubatan.

"Bersama Ke Arah Warga Sihat"



Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Kekalkan perpaduan dan kesepakatan



SEBAGAI tanda memperingati Hari Keputeraan baginda dan menzahirkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini diarahkan mengibarkan bendera negara sebagai tanda membesarkan dan memeriahkan suasana sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan baginda.



PADA 15 Julai ini, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan menyambut Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64. Sesungguhnya kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah dikurniakan seorang pemimpin dan raja yang sentiasa prihatin, pemeduliaan serta mengambil perhatian berat terhadap kebajikan dan kesejahteraan segala lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Selama hampir 43 tahun baginda di atas takhta singgahsana kerajaan, baginda telah berjaya membawa Negara Brunei Darussalam ke mercu kecemerlangan dan kegemilangan sehingga menjadi sebuah negara aman, makmur dan sejahtera, di samping menikmati taraf kehidupan yang tinggi.

Dalam lebih empat dekad itu, baginda juga telah berupaya meletakkan negara ini di persada antarabangsa sebaris dengan negara-negara di dunia serta bangsa Brunei sebaris dengan masyarakat global yang lain.

Kewibawaan dan kepimpinan baginda, rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam mengesakan suasana keamanan, ketenteraman dan keharmonian yang berterusan, di samping menikmati pelbagai bentuk pembangunan dan kemajuan dalam segenap aspek termasuk keagamaan, pendidikan, kesihatan, perhubungan, kemasyarakatan, keharmonian dan hubungan luar negeri yang bukan hanya tertumpu di kawasan-kawasan luar bandar dan sekitarnya malah melangkaui kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman. Ini kesan yang sangat signifikan serta menyumbang ke arah mempertingkatkan lagi kualiti dan taraf hidup rakyat dan penduduk lebih-lebih lagi dalam suasana negara aman, damai, makmur dan harmoni.

Pembangunan infrastruktur semakin giat dilakukan dengan keadaan lebuhraya yang cukup baik, selamat di serata daerah selain tidak ada cukai pendapatan dikenakan, tetapi kerajaan baginda juga memberi subsidi bahan-bahan keperluan asas seperti beras, gula dan minyak kenderaan dalam usaha membantu mereka yang berpendapatan rendah.

BERJIWA RAKYAT

Kepimpinan dan kewibawaan baginda ini bukan sahaja di kalangan rakyat negara ini malahan pemimpin dunia menyifatkan baginda sebagai *Raja Berjiwa Rakyat*. Sepanjang pemerintahan baginda sejak ditabalkan menjadi Sultan Brunei ke-29, pada 5 Oktober 1967, terus berusaha gigih tanpa mengenal erti penat lelah bagi memastikan kesejahteraan rakyat. Baginda dikenali sebagai raja yang pemeduliaan, berkarisma dan pembina marabat bangsa. Baginda juga dihormati dan disegani oleh para pemimpin antarabangsa. Ini meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang termasyhur di mata dunia.

PERAYAAN BERSEJARAH

Segegap lapisan rakyat negara ini sentiasa menunggu-nunggu perayaan bersejarah sebagai suatu perayaan tanda syukur ke hadrat Allah kerana negara dan rakyat dikurniakan seorang raja yang berjaya menerajui pembangunan. Segala persiapan menyambut perayaan itu di pelusuk negara sudah rancang berjalan dengan adanya semangat kerjasama dan bersatu padu di kalangan rakyat dan penduduk negara ini.

Setiap tahun, kejayaan dalam mengukuhkan sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan baginda, semua pihak agensi-agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan sukarelawan, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan-persatuan wanita dan belia bergandeng bahu bagi merealisasikan semua acara yang dirancang. Kesemua ini adalah ber-sumber daripada talian kerjasama dan persefahaman

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Abdullah Haji Awang Damit,
Abdul Kadir Md. Tahir

an yang terus wujud di kalangan rakyat dan penduduk negara ini.

KIBARKAN BENDERA

Bermula pada 1 Julai lepas, bendera kebangsaan kini berdiri megah di bangunan-bangunan kerajaan, jalan-jalan utama, rumah persendirian dan gedung-gedung perniagaan. Gerbang-gerbang berwarna-warni didirikan di sana sini, manakala lampu-lampu neon dipasang menghiasi sepanjang jalan di ibu negara, Bandar Seri Begawan, poster-poster bagi membarigakan dan menghimbau kesedaran rakyat terhadap perayaan itu sudah dipasang di tempat-tempat strategik. Pendek kata, segala persiapan telah diatur begitu rupa.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa 15 Julai adalah tarikh bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam, kerana pada tarikh itulah raja yang kita kasih telah diputerakan. Sebagai tanda memperingati Hari Keputeraan baginda serta sebagai tanda menzahirkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja, maka pada setiap tahun kita meraikan Majlis Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini diarahkan mengibarkan bendera negara sebagai tanda membesarkan dan memeriahkan suasana sambutan perayaan hari ulang tahun keputeraan baginda.

Adapun seruan untuk mengibarkan bendera telah bermula pada 1 Julai hingga 31 Julai 2010, oleh itu, marilah kita sama-sama menyahut seruan kerajaan supaya mengibarkan bendera negara ini sebagai tanda ketiaan dan kesetiaan kita kepada raja yang dicintai.

Dengan integrasi masyarakat dengan kerajaan yang sedia terjalin akrab

di negara ini bukan sahaja merupakan simbol perpaduan dan kesepakatan yang tinggi di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini tetapi juga membuktikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda.

Sesungguhnya keharmonian dalam beragama, bernegara dan bermasyarakat yang kita kecapi di negara ini adalah bukti yang jelas terhadap kewibawaan dan kebijaksanaan kepimpinan baginda dalam menerajui pentadbiran Negara Brunei Darussalam selaku Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Pertahanan.

Rakyat dan penduduk negara ini sentiasa berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda akan dilanjutkan usia dan dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua serta kekal karar memerintah di atas Takhta Singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan mendapat keredahan daripada-Nya. Ke arah ini, sama-sama meraikan sambutan hari ulang tahun keputeraan baginda dengan rasa syukur dan gembira. Kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita sebagai hambaNya yang soleh serta dapat berkhidmat dan berbakti kepada raja, agama dan bangsa dan seterusnya kita dapat mencapai kehidupan yang bahagia di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal'alamin.

Pinjam kapak pinjam beluung

Menabang kayu sambil berdiri

Kebawah Duli Tuanku umpama payung

Semua rakyat berlindung diri.

**DAULAT
KEBAWAH DULI
TUAN PATIK
KEKAL KARAR
MEMERINTAH DI
ATAS TAKHTA
SINGGAHSANA**



BANGUNAN-bangunan dan sepanjang jalan raya di seluruh negara dihiasi dengan begitu indah seperti kain-kain rentang bagi membarigakan ulang tahun sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang jatuh pada 15 Julai 2010.

ABDB anjur Forum Menjana Keluarga Bahagia

Oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

BERAKAS. - Ke arah memberikan kefahaman serta kesedaran betapa pentingnya memiliki keluarga yang harmoni berteraskan keikhlasan, kesabaran serta pengorbanan dalam suasana hidup berkeluarga pegawai-pegawai serta anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) khususnya Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT ABDB) pada tahun ini buat pertama kalinya telah mengunyah satu Majlis Forum Menjana Keluarga Bahagia Bersempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49 pada 11 Jun lepas.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis

forum berkenaan ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis forum ini membincangkan tajuk *Baiti Jannati* atau dalam terjemahannya *Rumahku Syurgaku*, dengan menengahkan tiga orang ahli panel iaitu Ketua JAMA'AT ABDB, Leftenan Kolonel (U) Haji 'Abdur Rahim bin Haji 'Abdul Karim dan dua orang penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Haji Anwarie bin Haji Rawie dan Dayang Hajah Rogayah binti Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Abdul Wahid dengan

dipengerusikan oleh Pegawai Operasi Agama ABDB, Leftenan Ariffin bin Amit.

Antara isi perbincangan majlis forum tertumpu kepada pemahaman terhadap ungkapan tajuk *Baiti Jannati* dari perspektif Islam, penerapannya terhadap rumah tangga dan keluarga se-orang tentera, pengorbanan seorang isteri dalam merealisasikan kewujudan harmoni dalam kekeluargaan dengan rasa ikhlas, sabar dan pengorbanan serta ganjaran pahala yang diperolehi daripadanya.

Forum juga menggariskan kaedah serta cara berkesan dalam menghindari perbalahan rumah tangga dalam konteks pembawaan rasa cinta terhadap keluarga dan

rumah tangga dalam lingkungan organisasi dan di tempat kerja.

Majlis Forum Menjana Keluarga Bahagia pada pagi tersebut turut dihadiri oleh Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Komandan Institut Latihan ABDB, pengarah-pengaruh tentera, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta PTB-PTB Kanan dan Rendah ABDB. Selain bertujuan memberikan ilmu serta kefahaman dalam menjaga keharmonian berumah tangga, forum berkenaan juga antara lain bertujuan mengurangkan kadar permasalahan rumah tangga dan perceraian khususnya di kalangan warga ABDB.

Sepanjang Program



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Awang Haji Aminuddin Ihsan semasa menghadiri Majlis Forum Menjana Keluarga Bahagia Bersempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Minggu Tarbiyah diadakan, sebanyak lima tajuk ceramah telah dibentangkan yang berkisar kepada *Keutamaan Memiliki Akhlak Mulia Dalam Pembentukan Sesebuah Organisasi, Hikmah Pengharaman Arak Dalam Islam, Mencintai Negaraku Brunei Darussalam, Kewajipan*

Mentaati Pemimpin dan Kepentingan Selawat dan Zikir dalam mempertingkatkan semangat anggota tentera, yang telah dibentangkan oleh penceramah-penceramah undangan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Be-

gawan (KUPUSB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITAQSHHB).

Di akhir forum ini para ahli panel juga menerima sijil penghargaan masing-masing dan disudahi dengan bacaan doa selamat.

74 pegawai ABDB dinaikkan pangkat

BERAKAS GARISON. - Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 74 pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) diperkenankan untuk dinaikkan pangkat.

Majlis Kenaikan Pangkat bagi pegawai-pegawai tersebut diadakan di Mes Pegawai pada 4 Jun lalu.

Menyampaikan kenaikan pangkat tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin, selaku tetamu kehormat majlis.

Kenaikan pangkat melibatkan 27 pegawai dinaikkan ke pangkat Mejar Tetap, sembilan pegawai ke pangkat Pemangku Mejar, 22 pegawai ke pangkat Kapten Tetap, lapan pegawai ke pangkat Pemangku Kap-

ten dan lapan pegawai ke pangkat Leftenan.

Turut hadir pemerintah-pemerintah dan komandan-komandan tentera, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai ABDB dan Kementerian Pertahanan termasuk keluarga serta rakan-rakan para pegawai yang dinaikkan pangkat.

Upacara kenaikan pangkat merupakan keutamaan matlamat strategik ABDB dalam peningkatan kualiti perkhidmatan dan semangat waja pegawai-pegawai ke arah pengurusan dan peluang kerjaya yang lebih teratur.

Ia salah satu insentif kerjaya yang diberikan kepada para pegawai ABDB yang berjaya menjalani peperiksaan serta proses kelayakan yang diharuskan di dalam sistem perkhidmatan dan kenaikan pangkat ABDB.

Pegawai berkenaan juga harus menampilkan kualiti kepimpinan yang menyeluruh serta prestasi cemerlang sepanjang perkhidmatan mereka.

Dua orang anggota ABDB ditauliahkan Pegawai Kadet

Oleh :
Siti Zuraihah Awang Sulaiman

BERAKAS, Selasa. - Dua orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ditauliahkan pangkat Pegawai Kadet bertempat di Mess Pegawai Bolkiah Garrison pada 8 Jun 2010 lalu.

Penauliahan pangkat adalah bagi 17959 Soldadu Awangku Abdul Rauf Bahar bin Pengiran Haji Yusof dan 17969 Soldadu Muhammad Ammar Rusyduddin bin Ahmad yang ditauliahkan sebagai Pegawai Kadet ABDB bagi memenuhi syarat kemasukan ke Akademi-akademi Tentera Amerika Syarikat.

Majlis Penauliahan disampaikan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin.

17959 Pegawai Kadet Awangku Abdul Rauf akan mengikuti pengajiannya di *United States Naval Academy* (USNA) bermula pada penghujung bulan ini dan akan menjalani latihan ketenteraan, di samping menceburi pengajian dalam bidang *Kejuruteraan Mekanikal* selama empat tahun.

Sementara itu, 17969 Pegawai Kadet Muham-

mad Ammar Rusyduddin akan mengikuti pengajian di *United States Air Force Academy* (USAFA) bermula pertengahan bulan ini dan beliau akan menjalani latihan ketenteraan, di samping menceburi pengajian dalam bidang *Kejuruteraan Aeronautikal* selama empat tahun.

Setelah tamat pengajian, kedua-dua pegawai kadet ini akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dan ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera.

Pada ketika ini, 17959 Pegawai Kadet Awangku Abdul Rauf Bahar dan 17969 Pegawai Kadet Muhammad Ammar Rusyduddin sedang mengikuti pengajian dan penuntut peringkat A di Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) di bawah Skim Pengajian Lanjutan dan Tertinggi ABDB.

Mereka adalah di antara calon-calon yang berjaya dalam persaingan sengit dari lebih seratus buah negara di seluruh dunia bagi mendapatkan tempat di Akademi-akademi Tentera Amerika Syarikat.

Setakat ini, hanya empat orang rakyat negara ini yang telah berjaya mendapatkan tempat di Akademi-akademi



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin semasa hadir di Majlis Penauliahan Pangkat bagi dua orang anggota ABDB yang berlangsung di Mess Pegawai Bolkiah Garrison. - Foto : Mohd. Shahrizal Haji Said.

Tentera Amerika Syarikat melalui biasiswa Kementerian Pertahanan.

Pada tahun 2005, pegawai kadet yang pertama telah berjaya diterima masuk ke *United States Military Academy* (USMA) - Westpoint, diikuti dengan seorang lagi pegawai kadet ke *United States Air Force Academy* (USAFA) - Colorado pada tahun 2008.

17959 Pegawai Kadet Awangku Abdul Rauf Bahar adalah pegawai kadet pertama yang akan mengikuti pengajian di USNA - Annapolis, se-

MEREKA adalah di antara calon-calon yang berjaya dalam persaingan sengit dari lebih seratus buah negara di seluruh dunia bagi mendapatkan tempat di Akademi-akademi Tentera Amerika Syarikat. Setakat ini, hanya empat orang rakyat di negara ini yang telah berjaya mendapatkan tempat di Akademi-akademi Tentera Amerika Syarikat melalui biasiswa Kementerian Pertahanan.

mentara 17969 Pegawai Kadet Muhammad Ammar Rusyduddin adalah

Pegawai Kadet yang kedua melayakkan diri ke USAFA.

TDDDB sertai latihan ketenteraan Garuda Shield 2010

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seramai 40 orang anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) termasuk tiga pegawai berlepas ke Republik Indonesia bagi menyertai latihan ketenteraan *Garuda Shield 2010*.

Kontinjen tersebut diketuai oleh Mejar Pg. Suffri

bin Pg. Haji Rosli. Mengucapkan selamat berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Pemerintah TDDDB, Kolonel Haji Yusof bin Haji Abdul Rahman, selaku bagi pihak Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Juga hadir ialah Atache

Pertahanan Indonesia, Kolonel Sunaryo.

Latihan dua minggu di *Infantry Education Centre* (IEC) di Cipat Bandung itu berakhir pada 22 Jun lepas.

Menurut kenyataan akhbar Kementerian Pertahanan, latihan tersebut

adalah sebahagian daripada Operasi Keamanan Global atas inisiatif dan tajaan Pemerintah Pasifik Amerika Syarikat yang memfokuskan latihan bagi peningkatan operasi keamanan bangsa-bangsa bersatu ke arah keamanan serantau.

Tahun lalu lebih seribu

anggota tentera dari 21 negara menyertai latihan tersebut.

Selain penyertaan ini Brunei Darussalam juga antaranya pernah terlibat dalam operasi keamanan pada tahun 1992 bagi UNTAC dan terkini pula adalah tahun ketiga menyertai UNIFIL.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin ketika menyematkan lencana pangkat kepada seorang pegawai ABDB yang dinaikkan pangkat. -Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Ibadah bersifat *vertical* melibatkan hubungan dengan Allah

Berita dan Foto :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. - Amal ibadah itu terbahagi kepada dua jenis iaitu ibadah yang bersifat *menegak (vertical)* iaitu yang melibatkan hubungan antara kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala seperti wuduk, solat, puasa dan zikir.

Penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Amin bin Haji Mohd. Yassin menyatakan demikian ketika berceramah mengenai *Peranan Anak-anak Terhadap Ibu Bapa Menurut Perspektif Islam* kepada para peserta Program Belia Muslimah yang berlangsung di Surau PDI pada 8 Jun yang lalu.

Beliau menjelaskan, ibadah yang bersifat *mendatar (horizontal)*, iaitu yang melibatkan hubungan antara dengan sesama makhluk.

"Ini adalah ibadah-ibadah yang telah ditentukan secara umum manakala perincian pengalamannya diserahkan kepada manusia, selari dengan suasana masing-masing," terangnya.

Menurutnya, berbuat baik kepada ibu bapa, jiran, semua manusia, haiwan dan alam sekitar termasuk dalam kategori ini. Pada waktu yang sama tidak berjumpa bomoh, tidak berdoa kepada sesama makhluk dan tidak mempercayai kekuasaan tertentu pada kejadian tertentu juga termasuk dalam kategori ini.

Berbuat baik kepada ibu bapa katanya, termasuk salah satu bentuk pembuktian akan kemantapan dan kemurnian tauhid kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dari itu tidak sempurna tauhid sese-

orang yang hanya bersolat dan berpuasa akan tetapi dia tidak mengendahkan hal ehwal bapanya.

Demikian juga halnya katanya, tidak sempurna tauhid seseorang jika dia hanya memerhatikan ibu bapanya sehingga melakukan kewajipan solat, puasa dan sebagainya.

"Ketahuilah seseorang hanya akan mencapai tahap kesempurnaan jika dia memerhatikan dengan adil ibadah yang bersifat *menegak* dan *mendatar*," katanya menambah.

Beliau juga menyentuh mengenai amalan-amalan berbuat baik kepada ibu bapa semasa hidup dan setelah mereka meninggal dunia itu akan menerima pahala dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara yang hadir, pegawai dan kakitangan PDI dan para ibu bapa peserta.

Acara seumpamanya merupakan aktiviti tahunan Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah dan dikendalikan bersama dengan dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Bahagian Menengah Kementerian Pendidikan.



PENCERAMAH Undangan dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Amin bin Haji Mohd. Yassin.

Jumlah saudara baru meningkat



LIAM anak Laja telah memilih nama Islamnya sebagai Awang Zulkifli bin Abdullah Laja bersama isteri dan anak-anaknya yang telah memilih agama Islam sebagai pegangan hidup mereka.

KUALA BELAIT. - Sejak awal tahun ini, Daerah Belait telah mencatatkan jumlah pengislaman seramai 93 orang termasuk sebuah keluarga berbangsa Iban seramai enam orang yang terkini memeluk agama Islam di Pejabat Da'wah Daerah Belait pada 13 Jun yang lalu.

Ketua keluarga, Liam anak Laja, 42 tahun, telah memilih nama Islamnya sebagai Awang Zulkifli bin Abdullah Laja sementara isterinya, Sadok @ Sadah anak Kudang, 37 tahun, menggantikan namanya sebagai Dayang Zainab binti Abdullah Kudang, manakala empat orang anak mereka, Wilson Patrick Paul, 11 tahun, Asroy Lintam, 10 tahun, Laxmi Gibsondion, 3 tahun dan Caroline Jameison Jyne,

2 tahun, masing-masing kini dikenali sebagai Awang Shahrul Rizal, Awang Abdul Azim, Awang Khairul dan Dayang Nordiana.

Majlis Pengislaman keluarga tersebut yang sebelum ini penganut agama Kristian telah dihadiri oleh tetamu kehormat, Pemangku Ketua Pegawai Ugama Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Pengiran Ibrahim bin Pengiran Mohd. Yusoff. Turut hadir pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait dan Unit Da'wah serta ahli keluarga saudara baru tersebut.

Saudara baru, Awang Zulkifli berasal dari Labi dan bekerja di Brunei Garison sementara isterinya hanya suri rumah berasal dari Merudi,

Sarawak dan mereka sekeluarga kini tinggal di Kampung Api-Api, Seria.

Di majlis tersebut tetamu kehormat telah menyampaikan bantuan bulanan barang-barang keperluan harian daripada Pusat Da'wah Islamiah kepada 83 orang penerima. Bantuan bulanan berjumlah BND9,040 itu adalah bagi tempoh selama sebelas hingga 12 bulan.

Ketua Bahagian Da'wah Daerah Belait, Dayang Hajah Siti Rahmah binti Haji Julaihi menerangkan tujuan bantuan bulanan tersebut diberikan adalah bagi membantu saudara-saudara baru yang kurang bernasib baik supaya mendapat pembelaan yang selayaknya dan menguatkan akidah dan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SAUDARA baru yang layak dipertimbangkan bagi menerima bantuan tersebut jelasnya antaranya terdiri daripada anak yatim yang tidak ada tempat bergantung yang kukuh, janda atau balu yang tidak ada mata pencarian, orang tua yang tidak ada sumber kehidupan tetap dan tidak ada tempat bergantung yang kukuh, orang yang dalam keadaan sangat daif disebabkan kecacatan atau sakit dan kanak-kanak atau belia yang masih bersekolah tetapi tidak diterima oleh ibu bapa setelah dia memeluk agama Islam.

pegangan keagamaan mereka.

Selain itu ianya juga bagi memperlihatkan kepada orang-orang yang belum beragama Islam bahawa Islam adalah agama yang sangat memberikan perhatian berat terhadap kebajikan saudara-saudara baru yang kurang bernasib baik dan membuktikan kepada saudara-saudara baru yang mereka tidak diabaikan, di samping sebagai salah satu pendekatan dakwah melalui Dakwah Bil Hal.

Saudara baru yang layak dipertimbangkan bagi menerima bantuan tersebut jelasnya antaranya terdiri daripada anak yatim yang tidak ada tempat bergantung yang kukuh, janda atau balu

yang tidak ada mata pencarian, orang tua yang tidak ada sumber kehidupan tetap dan tidak ada tempat bergantung yang kukuh, orang yang dalam keadaan sangat daif disebabkan kecacatan atau sakit dan kanak-kanak atau belia yang masih bersekolah tetapi tidak diterima oleh ibu bapa setelah dia memeluk agama Islam.

Beliau seterusnya menjelaskan bantuan barang-barang keperluan tersebut berupa sementara sahaja dan ahli jawatankuasa boleh menarik balik bantuan tersebut jika didapati perkara-perkara seperti murtad, meninggal dunia, sudah berkemampuan dan sebab-sebab yang difikirkan munasabah oleh ahli jawatankuasa.

Tiga warga Filipina lafaz ikrar keislaman

Oleh : Abdullah Asgar

JALAN MUARA. - Syiar Islam terus menerangi cahaya bagi kehidupan tiga orang warga asing untuk melafazkan dua kalimah syahadat dan memilih agama Islam sebagai agama serta pegangan hidup mereka yang terkini.

Sehubungan dengan itu, tiga warga dari Filipina ini telah melafazkan dua kalimah syahadat mereka di hadapan pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah dan majlis ini berlangsung di rumah kediaman Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Jalan Manggis Dua pada 6 Jun yang lalu.

Tiga saudara baru itu ialah Nelson Capiton Minggu yang kini memilih

nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Ali Hasan bin Abdullah Minggu, 52 tahun, Cristele Joy S.Mingua yang memilih nama Islamnya Dayang Nur Batrisya Balquis binti Mohd. Ali Hasan, 23 tahun dan Rebeca Sindac Minggu dikenali dengan nama Islamnya, Dayang Siti Fatimah binti Abdullah Sindac.

Setakat lebih 230 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara dan jumlah itu akan terus bertambah hingga ke penghujung tahun ini.

Ketiga-tiga saudara baru itu bekerja di syarikat swasta di negara ini dan telah berada di sini sejak beberapa tahun lalu dan mereka tertarik pada aga-



TIGA warga Filipina semasa melafazkan dua kalimah syahadat mereka di hadapan pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

ma Islam kerana agama Islam adalah sebuah agama yang suci bagi dunia dan akhirat.

Di majlis itu para tetamu yang hadir telah

menaburkan bunga rampai kepada mereka yang diraikan, di samping disebarkan dengan Dikir Marhaban dan mereka juga menerima cendera-

mata.

Majlis pengislaman tersebut telah dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah.

Tiga saudara baru menerima hidayah

Oleh : Dk. Nur'Atiqah Pg. Haji Md. Askandar (Pelajar Tahun 3 UBD, penempatan di Jabatan Penerangan)

MENTIRI. - Tiga saudara baru berbangsa Iban menerima hidayah dan memilih agama Islam sebagai pegangan hidup mereka.

Mereka terdiri daripada Grinching anak Endang bersama dua anaknya Hartini dan Susanti Kho memeluk agama Islam pada majlis yang berlangsung di kediaman Awang Haji Mohd. Hairol Azme di Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri yang diadakan pada 11 Jun yang lalu.

Grinching kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Dayang Habibah, 50 tahun, Dayang Siti Sufi Shafina, 23 tahun dan Dayang Siti Sufi Shafira, 18 tahun, diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai.

memilih nama Islamnya sebagai Dayang Siti Sufi Shafira.

Kesemua mereka melafazkan dua kalimah syahadat mereka di hadapan pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah.

Menurut keluarga tersebut mereka memilih agama Islam atas kerelaan dan kemahuan sendiri, manakala ramai rakan dan saudara mara mereka juga telah beragama Islam.

Majlis Pengislaman Dayang Habibah, 50 tahun, Dayang Siti Sufi Shafina, 23 tahun dan Dayang Siti Sufi Shafira, 18 tahun, diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai.

Pameran Seni Kontemporari Jepun diadakan di Muzium Brunei

KOTA BATU. - Orang Jepun selalu menikmati kerajinan mereka tidak hanya untuk kegunaan pratikal tetapi juga sebagai karya seni kerana seni menjadi sebahagian da-

ripada kehidupan sehari-hari mereka dan menjadi satu penghormatan.

Perkara ini dinyatakan oleh Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang

Terutama Hirose Noriki semasa berucap di Majlis Pameran Seni Kontemporari Jepun yang berlangsung di Muzium Brunei pada 7 Jun yang lalu.

Hadir selaku tetamu majlis bagi merasmikan pameran yang bermula pada 7 hingga 27 Jun itu ialah Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Beliau dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

Tuan Yang Terutama menambah penghormatan yang diberikan kepada kebolehan seni orang-orang Jepun sudah tertanam begitu dalam di dalam fikiran mereka dan beberapa ahli akademik menganjurkan bahawa pola fikir seperti orang Jepun dengan kesedaran dan penghormatan di atas kebolehan mereka juga mempunyai ketepatan ke-

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

arah pengaruh langsung terhadap industri pembuatan bangunan di dalam kemodenan Jepun dan memainkan peranan dalam mengembangkan Jepun menjadi negara yang bertaraf antarabangsa bagi industri dan teknologi canggih.

Selanjutnya TYT juga menyentuh mengenai dengan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun di dalam bidang produksi seni yang mana sudah lama terjalin beberapa tahun sebelumnya.

Jelas TYT pada tahun 2008 dan 2009, dengan bantuan JETRO dan juga pakar orang-orang Jepun dari tiga syarikat telah membuat lawatan ke Negara Brunei Darussalam dan membuat satu kerjasama dengan rakan kongsi negara ini di dalam bidang pembuatan kaca serta tekstil pembuatan kerja tangan

tradisi negara ini di mana hasil daripada kerjasama di dalam mengeluarkan hasil kerja tangan tersebut telah pun dipamerkan di Pameran Antarabangsa Jepun pada Disember 2009.

"Jepun dan Brunei juga turut menikmati hubungan yang begitu erat pada sekian lamanya dan berharap dengan adanya pameran yang dianjurkan pada hari ini ianya merupakan satu lagi langkah di dalam memperkukuhkan hubungan persefahaman bersama kedua-dua buah negara," tambah TYT.

Sementara itu dalam satu temu bual PELITA BRUNEI bersama Kaunselor dari Kedutaan Jepun, Akira Sato menjelaskan Pameran Seni Kontemporari Jepun yang diadakan merupakan anjuran oleh Kedutaan Jepun ke Negara Brunei Darussalam dan juga Yaya-

san Jepun dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium Brunei dan ini merupakan kali ketiga projek bersama ini dianjurkan di negara ini.

"Pameran pertama telah diadakan pada bulan Mei 2006 di tempat yang sama dengan tema *The Japanese Contemporary Claywork* yang mempamerkan sebanyak 44 buah karya seni terindah yang diperbuat daripada tanah liat sementara pameran kali keduanya juga di tempat yang sama pada bulan April tahun lepas dengan tema *Japanese Pottery: The Rising Generation From Traditional Japanese Kilns* yang turut mempamerkan sebanyak 71 bahan-bahan mentah dihasilkan oleh 35 orang seni dan ianya mendapat sambutan yang begitu membanggakan di mana ribuan pengunjung turut sama menjayakan dan menyaksikan pameran yang telah diadakan," terang Akira Sato dalam temu bual yang dibuat.

Beliau juga menjelaskan pada pameran kali ini yang bertemakan *Contemporary Japanese Crafts* ianya turut mempamerkan sebanyak 60 buah hasil seni unik yang terpilih turut dipamerkan oleh beberapa orang seni Jepun yang terpilih.

Jelasnya lagi dengan adanya pameran seumpama ini saya percaya ianya dapat turut membantu di dalam memainkan peranannya bagi mempertingkatkan lagi minat orang-orang Brunei di dalam mempelajari dan mendalami lagi budaya dan juga karya seni orang-orang Jepun selain membantu mengeratkan lagi hubungan dua hala di kedua buah negara.

Juga turut hadir di perasmian pameran itu, Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Awang Bantong bin Antaran.

Pameran tersebut juga dibukakan bagi kunjungan orang ramai dan masuk adalah percuma.



PENGETUA Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri ketika merasmikan Pameran *Contemporary Japanese Crafts* berlangsung di Muzium Brunei. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Ambil langkah elak kebakaran

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN. - Antara punca-punca yang sering menyebabkan berlakunya kebakaran adalah seperti peralatan elektrik, kanak-kanak bermain api, lampu minyak tanah dan hos dapur yang bocor.

Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Pegawai Balai, Awang Noorzali bin Apong menggariskan demikian semasa memberi taklimat mengenai mencegah kebakaran kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan yang berlangsung di Syura 3, Darulifta Brunei Darussalam pada 5 Jun yang lalu.

Dalam hubungan ini beliau turut menekankan perlunya menukar hos-hos dapur setiap dua tahun sekali dengan menggunakan hos-hos yang diakui, selain menukar kepada gas setiap lima tahun sekali.

Kebakaran atau bencana menurutnya, tidak mengira bila, di mana dan ke atas siapa ia akan berlaku sama ada di pejabat, di rumah atau di mana saja.

Beliau juga menerang-

kan tentang perkara-perkara yang perlu dilakukan semasa berlakunya kebakaran.

Turut hadir mendengar taklimat tersebut, Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin berserta kira-kira 30 orang pegawai dan kakitangan di jabatan berkenaan.

Terdahulu, Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari dalam ucapan alu-aluan menjelaskan bahawa taklimat seumpama ini merupakan permintaan jabatan berkenaan khususnya dalam meningkatkan pengetahuan dalam menghadapi kebakaran.

Antara perkara yang disampaikan dalam taklimat itu termasuklah misi dan visi serta peranan Jabatan Perkhidmatan Bomba dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

Taklimat diakhiri dengan sesi soal jawab dan tunjuk cara memadam kebakaran.



PEGAWAI Perhubungan Awam, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Pegawai Balai, Awang Noorzali bin Apong melihatkan sejenis alat pemadam api yang perlu kita tahu kegunaannya. Hadir di taklimat tersebut ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Program Pengurusan Tingkatkan Kemahiran Pegawai, Kakitangan TAP

Oleh : Dk. Nur'Atiqah Pg. Haji Md. Askandar, Hajah Roziana Haji Mahmud (Pelajar Tahun 3 UBD, penempatan di Jabatan Penerangan)

TUNGKU LINK. - Dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangannya, Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Jabatan Sumber Tenaga Manusia dengan kerjasama Institut Teknologi Brunei (ITB) mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Program Pengurusan Untuk Penyelidikan Kali Ketiga yang diadakan di ITB pada 5 Jun yang lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Naib Canselor ITB, Dr. Haji Omar bin Haji Khalid.

Seramai sembilan orang penyelia dari TAP menerima sijil masing-masing setelah menjalani program tersebut sejak 17 Mei lepas.

Tujuan utama program tersebut adalah untuk memperluaskan peserta dengan pengetahuan asas dalam bidang pengurusan yang efektif.

Antara tajuk yang disampaikan semasa program tersebut termasuklah peranan penyelia, gaya kepimpinan, motivasi, komunikasi yang berkesan dan perkhidmatan pelanggan.

Dalam ucapannya Pemangku Pengurus Eksekutif, (Bahagian Korporat) TAP, Joyce Chua Sing Yee turut menyampaikan

ucapan penghargaan kepada ITB di atas sokongan yang diberikan dalam mengadakan program tersebut bagi pegawai dan kakitangan TAP dan berharap peserta program akan mendapat pengetahuan yang bermanfaat dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Selain itu, wakil peserta, Awang Shahariman bin Haji Maksin semasa berucap berkata program tersebut membolehkan peserta memahami peranan seorang penyelia di



TETAMU kehormat majlis, Naib Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB), Dr. Haji Omar bin Haji Khalid semasa menyampaikan sijil kepada peserta kursus yang mengambil bahagian dalam program tersebut. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

dalam menghadapi cabaran kerja masa kini. Majlis diakhiri dengan

penyampaian sijil kepada peserta kursus oleh tetamu kehormat.

Guru-guru SMCH ikuti kursus adat istiadat

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Adat Istiadat Negara begitu

komited dalam melaksanakan amanah negara agar adat istiadat di



SEBAHAGIAN daripada guru Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan semasa mengikuti *Ceramah Adat Istiadat* yang disampaikan oleh para penceramah dari Jabatan Adat Istiadat Negara. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

negara ini tidak luput ditelan zaman.

Salah satu usaha yang dilakukan ialah dengan mengadakan Kursus / Bengkel Adat Istiadat, dianjurkan bersama oleh Sekolah Menengah Chung Hwa (SMCH) Bandar Seri Begawan (BSB), dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah sekolah berkenaan, Tan San Leong, berlangsung di Dewan Kuliah sekolah berkenaan pada 7 Jun yang lalu.

Sepanjang kursus dua hari itu para peserta terdiri dari guru-guru sekolah tersebut akan mendengarkan topik-topik yang berkaitan dengan adat istiadat di negara

ini dan ianya di sampaikan oleh para penceramah dari Jabatan Adat Istiadat Negara.

Pada hari pertama kursus dijalankan lebih 60 peserta berpeluang mendengarkan tajuk-tajuk kertas kerja *Adat Istiadat Brunei* yang antara lain menyentuh bahawa Adat Istiadat Brunei merupakan suatu yang hidup dan berubah sebagai pengusai dan pengumpul dalam serba-serbi sektor kehidupan puak atau masyarakat.

Sementara itu kertas kerja *Kepentingan Bahasa Dalam* pula menedahkan kepada para peserta bahawa bahasa tersebut adalah Bahasa

Istana atau Bahasa Rajaan yang berstatus tinggi yang digunakan jika ada kerabat diraja atau orang-orang bergelar dalam satu perbualan.

Dengan adanya kursus seumpamanya para peserta diharap akan dapat menumpukan perhatian, di samping menghayati sebenarnya akan adat istiadat orang Brunei dan seterusnya memahami falsafah Melayu Islam Beraja.

Selain itu melalui kursus tersebut para peserta juga diharap akan dapat menyerahkan ilmu yang diperolehi kepada semua penuntut di sekolah berkenaan.

Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri

PENGENALAN

UNIT Petroleum (PU) mula ditubuhkan pada 15 Jun 1982 sebagai Unit Minyak di Pejabat Setiausaha Kerajaan. Unit

Minyak ditukar namanya kepada Unit Petroleum dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dalam bulan Januari 1984. Pada bulan Mei 2005, PU mula melapur

kepada Menteri Tenaga di dalam Jabatan Perdana Menteri.

VISI JABATAN

Berterusan sebagai badan regulatori yang

berkesan dan dihormati dengan tenaga kerja yang berdedikasi tinggi, profesional dan boleh dipercayai demi kepentingan negara dan penduduk Negara Brunei

Darussalam.

MISI JABATAN

Memastikan kesemua sumber petroleum di eksploitasi dengan sempurna dan berdaya tahan bagi memberikan keberuntungan yang maksima kepada negara.

FUNGSI JABATAN

Minyak dan gas adalah penyumbang utama kepada ekonomi negara dan merupakan eksport utama negara melebihi 90 peratus dari jumlah keseluruhan eksport pada tahun 2008. Sektor ini juga berterusan memainkan peranan yang dominan walaupun pada masa ini negara berusaha mempelbagaikan sumber ekonominya melalui industri bukan minyak. Fungsi utama PU adalah seperti berikut:

1. Mentadbir dan menguruskan sumber minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam termasuklah memastikan penggunaan sumber petroleum dilaksanakan secara bijaksana.

2. Memastikan Syarikat-syarikat Petroleum mengamalkan sistem dan prosedur selari dengan Amalan Industri Petroleum, Undang-undang Negara Brunei Darussalam dan perjanjian-perjanjian yang ada.

3. Memastikan syarikat-syarikat yang ber-

BAHAGIAN PERTAMA

operasi melaksanakan dan mengamalkan Pemajuan Perniagaan Tempatan (*Local Business Development*).

Antara projek utama jabatan yang telah dilaksanakan dengan jayanya adalah:

1. Pembukaan kawasan eksplorasi laut dalam, iaitu Blok J dan K pada tahun 2001.
2. Memperkenalkan *Production Sharing Contract* (PSC).
3. Menubuhkan Syarikat Minyak Kebangsaan pada tahun 2001.
4. Menubuhkan Syarikat *Brunei Gas Carriers* (BGC) pada tahun 1998 dan seterusnya memperluaskan penglibatan orang Brunei dalam bidang perkapalan.

Syarikat-syarikat yang beroperasi di negara ini dalam mana Kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Perbadanan Perdana Menteri memegang saham adalah seperti berikut:

1. Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad (Petroleum BRUNEI) ditubuhkan pada tahun 2001 dan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan.
2. Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian

Berhad (BSP) merupakan syarikat utama yang menghasilkan kira-kira 90 peratus daripada jumlah keseluruhan minyak dan gas di negara ini.

3. TOTAL Borneo b.v. adalah operator bagi Usahasama Blok B yang juga menghasilkan minyak dan gas.

4. Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) memproses dan mengeksport gas asli dalam bentuk LNG ke Jepun dan Korea Selatan.

5. Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) terlibat dalam pemasaran produk petroleum di negara ini.


6. Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) memiliki kapal *ABADI* bagi mengangkut LNG dari Syarikat BLNG ke Jepun dan Korea Selatan.

7. Syarikat Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad (BST) memiliki tujuh buah kapal bagi mengangkut LNG dari Syarikat BLNG ke Jepun.


(Rujuk Rajah 2 bagi maklumat mengenai syarikat-syarikat yang beroperasi di negara ini).

Carta Organisasi Unit Petroleum

RAJAH 1



RAJAH 2



Percubaan menjual barang kemas secara haram ditumpaskan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT.- Seorang lelaki warga Malaysia ditahan oleh Unit Pencegah Kastam Belait setelah didapati membawa sejumlah lebih 1,800 bentuk barang-barang kemas diperbuat daripada emas tulin, emas putih dan perak serta batu-batu jed bernilai lebih BND200 ribu untuk dijual secara haram di negara ini pada 17 Jun yang lalu.

Lelaki terbabit ditahan kelmarin di kawasan Terminal Bas di sini semasa pegawai-pegawai unit tersebut menjalankan rondaan rutin dan menyaki lelaki terbabit melakukan kegiatan urusan niaga apabila dia ditemui keluar dari sebuah kedai emas dengan membawa bersamanya dua buah beg pakaian.

Pihak berkuasa yang diketuai oleh Penolong Penguasa Kastam terus mengekori lelaki terbabit

yang keluar dari kedai emas menuju ke kawasan Terminal Bas.

Ketika pihak berkuasa hendak memeriksa beg tersebut, lelaki terbabit pada mulanya enggan membukanya dengan alasan kunci beg tersebut ada pada kawannya, ia kemudian di bawa ke pejabat untuk diperiksa dan siasatan lanjut.

Setelah di siasat, lelaki terbabit mengakui barang-barang kemas tersebut dibawa ke kedai untuk dijual dan dia juga mengakui masuk ke negara ini dari negara jiran melalui Pos Kawalan Sungai Tujuh pada 14 Jun lalu.

Notis rampasan barang-barang kemas yang dibawa lelaki itu juga telah dikeluarkan dan lelaki terbabit akan dihadapkan ke mahkamah atas dakwaan di bawah Seksyen 140 Perintah Kastam 2006.



PEGAWAI-PEGAWAI Unit Pencegah Kastam Belait menemui kotak-kotak plastik yang berisi barang-barang kemas dalam beg lelaki tersebut.



LEBIH 1,800 bentuk barang-barang kemas diperbuat daripada emas tulin, emas putih dan perak serta batu-batu jed yang bernilai lebih BND200 ribu yang dibawa masuk oleh lelaki tersebut untuk dijual secara haram di negara ini.

Lapan warga asing gagal tunjukkan dokumen sah

MUKIM KILANAS, Khamis. - Empat warga asing dikeluarkan *Special Pass* dan lapan lagi dibawa ke pejabat kerana gagal menunjukkan sebarang dokumen yang sah.

Warga-warga asing tersebut didapati melakukan kesalahan tersebut oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang Jabatan Imigresen dalam pemeriksaan Operasi Cekap JIPK 94/2010 di Bengkel Kimpal dan Bengkel Kereta di Mukim Kilanas, Mukim Lumapas, Mukim Pengkalan Batu dan Mukim Sengkurong pada 17 Jun

lalu.

Operasi tersebut diketuai oleh Ketua Pegawai Imigresen, Bahagian Penguatkuasa Undang-undang Jabatan Imigresen melibatkan 13 orang pegawai.

Dalam Operasi berkenaan sebahagian bengkel kereta atau bengkel kimpal didapati tidak mempunyai lesen rampaian.

Operasi berkenaan juga mendapati dua warga Malaysia yang menyalahgunakan pas lawatan dan antaranya dipercayai menyalahgunakan pas imi-

gresen dan juga jaminan sebagai tukang jahit.

Bagaimanapun kes berkenaan masih dalam peringkat siasatan.

Operasi itu bertujuan membuat pemeriksaan dan menangkap mana-mana individu terutama warga asing yang didapati melanggar undang-undang dan peraturan negara ini terutama sekali di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan Imigresen (Penggagal 17) Akta Pasport-pasport (Penggagal 146) Perintah Perdagangan dan Penyeludupan Manusia 2004.



PARA pegawai dari Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) semasa mengadakan Operasi Cekap di salah sebuah bengkel di salah sebuah mukim di negara ini.

DALAM kehidupan sehari-hari adakalanya aku tidak mengerti. Aku cuba untuk memahami setiap apa yang berlaku pada diriku. Namun ada yang tidak ku temui jawapannya. Apa yang harus ku lakukan? Aku hanya mampu bersabar. Namun sampai bila aku harus berterusan begini. Adakalanya aku berputus asa tetapi itu seolah-olah aku mengalah sebelum berjuang. Aku semakin gelisah. Kehidupanku sejak kebelakangan ini agak sedikit berubah. Aku termenung ingin mencari jawapan namun hingga kini jawapan belum ku temui. Mengapa begini jadinya? Walaupun ini bukan sesuatu kemahuanku tetapi aku reda.

Yusnita adalah seorang perempuan yang berusia lingkungan dua puluh empat tahun. Dia sudah bekerja. Dia hidup dalam kesederhanaan. Dia bersyukur kerana masih ada ibu dan bapa yang sering memberi dorongan dan semangat untuk menempuh hari yang mendatang dalam hidup ini. Kasih sayang daripada keluarga tidak pernah kurang walaupun sedikit namun kini dia menagih kasih sayang daripada kekasihnya. Hubungan mereka sebagai sepasang kekasih sudah menjangkau empat tahun tetapi akhir-akhir ini aku merasakan hubunganku bersamanya hampir musnah berkecai. Mungkin itu hanya apa yang ku sangkakan sejak akhir-akhir ini.

Aku sayangkan perhubunganku bersamanya tetapi kini aku semakin keliru dan tidak tahu apa yang harus aku lakukan. Adakah tidak ada lagi cinta di antara kami yang begitu mekar suatu ketika dahulu? Adakah tidak ada lagi rindu yang terpendam? Adakah dirinya sudah berubah sama sekali? Apa pun masalah yang menimpa dirinya perlukah dia mengelak diri daripada diriku? Terlalu banyak teka-teki yang berligar difikirkanku. Argghhhhhh ... aku bingung.

"Napa sayang sejak akhir-akhir ini berubah?" Tanya Yusnita kepada teman lelakinya iaitu Mazlan.

"Cuba ayang faham situasi sayang sekarang ani. Tolonglah jangan mengusut." Jawab Mazlan. Yusnita terdiam seolah-olah mengiyakan sahaja kata-kata kekasihnya itu tetapi hakikatnya dia ber-celaru.

Kalau itu alasan yang diberikan oleh Mazlan maka aku akur. Banyak perkara yang membuatkan aku tertanya-tanya. Aku semakin renggang dengan dirinya sudah hampir dua bulan. Jika dia ada masalah maka dia tidak patut menghukum aku dengan begitu teruk. Kami jarang lagi berhubungan sepertinya hanya kekasih pada nama sahaja. Kami jarang bermesssage, membuat miss call dan bertelefon amat sukar sekali. Kadang-kadang sampailah seminggu kami lost contact. Kalau dahulu sehari tidak bermesssage dan tidak bermiss call tidak sah. Rutin kami sehari-hari mesti ada message dan miss call supaya hubungan kami bertambah rapat. Hubungan kami sekarang ini macam biskut chipmores sekejap ada sekejap tidak ada.

"Are you okey Nita? Macam nada mood saja kau ani? Napa ni?" Tanya sahabatnya iaitu Sakinah apabila melihat Yusnita itu agak rungsing.

"I'm okey Inah. Don't worry." Kata Nita dengan selamba tetapi fikirannya ber-celaru.

"Okey tia karang. If kau ada masalah jangan malu-malu beritahu aku mana tau aku boleh tolong. Meliat usulmu ani tau ku udah kau ada masalah." Kata Sakinah. Dia tahu sahabatnya itu menghadapi masalah. Sebagai seorang sahabat dia tidak mahu Yusnita berterusan dalam kegelisahan dan kemurungan asyik memikirkan masalah yang belum lagi selesai.

"Entahlah Inah." Itu sahaja kata-kata yang lahir dari mulutnya. Dia tidak tahu sama ada mahu memberitahu masalahnya itu kepada sahabatnya ataupun biar dia sendiri sahaja yang menanggung masalah itu. Lagipun dia tidak mahu menyusahkan sahabatnya itu dan merungsingkan fikirannya demi masalahku ini.

"Inda baik kau pandam masalahmu itu. Ujung-ujungnya hatimu itu berdarah benanah." Sakinah mahu sahabatnya itu memberitahu masalahnya. Dia tidak sampai hati melihat Yusnita begitu. Namun Yusnita tidak berkata apa hanya mendiamkan diri sahaja. Sakinah kecewa apabila melihat Yusnita tidak memberitahunya tetapi dia sedar mungkin masalah yang dihadapi oleh Yusnita itu terlalu peribadi sehingga tidak boleh berbincang dengan orang lain. Sakinah faham situasi itu.

Yusnita cuba meriangkan hatinya walaupun sebenarnya kini dia bermasalah tentang hubungannya dengan kekasihnya Mazlan. Sebenarnya Mazlan juga telah bekerja tetapi

dia diberhentikan kerja sebulan yang lalu. Masalah itu telah melibatkan hubungan kami menjadi renggang. Aku tidak dapat terima alasan sebegini. Bukan aku tidak memahaminya. Aku memahami situasinya saat ini mungkin dia rungsing tetapi patutkah dia membuat apa yang begini tidak dipedulikan langsung. Aku merasa kesunyian tidak ada tempat mengadu masalah dan bermanja. Sebelum ini Yusnita banyak berkongsi masalah bersama-sama dengan Mazlan. Dia juga berkongsi kegembiraan bersama-sama namun kini sudah berubah. Aku faham dia sibuk saat ini mencari pekerjaan baru tambahan pula dia terpaksa membayar duit kereta setiap bulan dan membayar loan pada bank. Sejak diberhentikan kerja Mazlan berubah sama sekali. Dia tidak seperti dahulu yang aku kenali.

Aku pernah menasihati dirinya untuk memberi semangat dan dorongan kepadanya tetapi akhirnya aku dipersalahkan. Apabila bertelefon kami akan bertekak. Aku sendiri tidak tahu mengapa begini jadinya. Ada sahaja yang tidak kena pada pandangannya. Akhirnya aku membuat keputusan untuk membiarkannya sahaja dia tidak memperdulikan hidupku. Mungkin cara sebegini adalah lebih baik untuk dirinya. Aku sekarang ini hanya dapat mengikut rentaknya sahaja. Walaupun perit tetapi aku harus membiasakan diri tanpanya di sisi. Apa makna percintaan kami ini?

Kesunyian

Oleh : Nik Puteri Seroja

"YOU marah masih arah I kah? I minta maaf jika kehadiran I ani inda you sukai. I lepaskan you dulu atu tidak bermaksud I tidak cintakan you lagi. You pun tau atu kan." Yusnita terima message yang kedua dari bekas teman lelakinya iaitu Tarmizi. Fikiran Yusnita bertambah ber-celaru. Dia semakin tidak mengerti akan kata-kata Tarmizi itu.

Adakalanya aku ingin melepaskannya dan adakalanya aku tidak mahu melepaskannya. Aku sendiri tidak tahu apa yang harus aku lakukan agar percintaan kami mekar seperti dahulu.

Selagi dia belum dapat pekerjaan yang baru selagi itu dia akan berterusan buat aku sebegini. Mungkin dia malu kerana tidak ada pekerjaan. Selama ini aku tidak pernah kisah walaupun dia bergaji rendah berbanding dengan aku bergaji tinggi. Aku tidak pernah berkira membayarnya. Ada ketikanya aku juga membantu dirinya. Aku tidak pernah berkira tentang semua itu. Aku membantunya ikhlas sebab dia adalah orang yang aku cintai dan sayangi selama ini. Selama empat tahun kami bercinta tidak pernah pun sekali aku berlaku curang kepadanya malah aku setia, jujur dan ikhlas terhadap dirinya dan aku sayang akan hubungan kami yang telah lama bertahan.

Sekarang ini pekerjaan adalah sesuatu yang penting. Tanpa pekerjaan sudah tentunya kita sukar untuk menjalani kehidupan sehari-hari untuk mendapatkan duit. Adakah cinta itu juga memerlukan duit? Adakalanya manusia akan memilih pasangan hidupnya yang sama taraf dengan dirinya ataupun memilih lelaki yang berkerjaya agar hidup mereka akan semua itu. Aku memilih Mazlan kerana aku terpaut dengan budi pekertinya yang baik hati.

Walaupun dia tidak berpelajaran tinggi aku terima dia seadanya tetapi mengapa dia tidak menghargai diriku ini? Malah membuatkan aku terkontang-kanting tanpa haluan. Aku bagaikan digantung tidak bertali. Arrghhhh ... aku pusing.

Di saat aku menghadapi masalah tanpa kusedari hadir seorang lelaki yang cukup aku kenali suatu ketika dahulu. Aku agak terkejut apabila melihat telefon bimbitku berbunyi dan tertera nama lelaki itu di skrin telefon bimbitku. Jantungku berdebar kencang aku tidak tahu hendak

buat apa. Aku hanya membiarkan telefon bimbitku itu berdering terus. Walaupun aku tidak lagi menyimpan nombor telefon bimbitnya tetapi entah mengapa aku masih lagi ingat nombor itu hingga kini. Dalam hati aku tertanya-tanya mengapa dia menelefonku di saat ini. Kami dahulu memang rapat. Dia merupakan bekas teman lelakiku. Hubungan kami hanya mampu bertahan selama dua tahun. Sejak aku berpisah dengannya lima tahun dahulu kami langsung tidak berhubungan lagi. Apa yang aku tahu dia telah mempunyai teman wanita baru dan hidup dengan bahagia setelah berpisah denganku. Aku mengetahuinya dari sahabatku Sakinah. Aku tidak tahu apa yang telah berlaku lagi selanjutnya tentang hubungannya dengan kekasihnya. Telefon bimbitku berdering, kali ini bukan panggilan tetapi aku terima satu message.

"Assalamualaikum hai, you bahapa masa ani? Sibukkah? I call you tadi tapi you inda angkat." Message yang telah diterima Yusnita. Dia tidak tahu sama ada mahu membalas atau membiarkan sahaja. Yusnita membuat keputusan untuk tidak membalas message tersebut. Dia sedar bahawa saat ini dia kesunyian. Memang sangat sukar bagi Yusnita untuk melupakan bekas teman lelakinya itu. Bekas teman lelakinya itu merupakan cinta pertamanya tetapi itu dahulu bukan lagi sekarang. Kisah itu telah lama berlalu. Sekarang dia bersama Mazlan.

"You marah masih arah I kah? I minta maaf jika kehadiran I ani inda you sukai. I lepaskan you dulu atu tidak bermaksud I tidak cintakan you lagi. You pun tau atu kan." Yusnita terima message yang kedua dari bekas teman lelakinya iaitu Tarmizi. Fikiran Yusnita bertambah ber-celaru. Dia semakin tidak mengerti akan kata-kata Tarmizi itu. Dia sedar bahawa saat itu mereka saling cinta menyintai tetapi mereka harus akur bahawa setiap percintaan itu tidak semestinya

akan berakhir dengan kebahagiaan. Yusnita tidak membalas message tersebut. Dia benar-benar bingung saat itu.

"Walaikumsalam, Sorry because late reply. I busy tadi. By the way me sekarang ani okey macam biasa." Setelah enam jam Tarmizi menunggu balasan message dari Yusnita akhirnya penantiannya berakhir. Tarmizi cukup gembira. Sejak dari itu hubungan Yusnita dan Tarmizi bertambah rapat. Mereka tidak pernah berjumpa tetapi hanya bermesssage, bermisss call dan bertelefon sahaja.

Yusnita tidak tahu sama ada apa yang dibuatnya ini betul atau pun tidak. Walaupun dia rapat semula dengan Tarmizi tetapi difikirannya asyik memikirkan Mazlan. Dia tahu bahawa saat ini Mazlan lebih memerlukan dirinya tetapi Mazlan sering sahaja mengelak daripada dirinya. Dia benar-benar bingung. Sekarang Tarmizi lebih banyak mengambil berat tentang dirinya berbanding dengan Mazlan teman lelakinya sendiri.

Tiba-tiba pada pukul 12.30 malam Yusnita terbangun apabila mendengar telefon bimbitnya berdering. Dia menerima satu message. Dia terkejut bahawa orang yang memberi message kepadanya adalah Mazlan. Sekian lama Yusnita menunggu. Dia cukup gembira yang teramat sangat.

"Ayang please call sayang awal ani if credit ayang banyak lagi. Sayang kan cakap sesuatu dengan ayang. Penting." Message dari Mazlan. Yusnita terus menelefon Mazlan.

"Assalamualaikum sayang ..." Setelah sahaja Mazlan mengangkat telefon. Kata-kata itulah sekali yang mula-mula didengarnya.

"Walaikumsalam ... ayang ... ayang, sayang minta maaf arah sayang. Selama ani sayang tidak bersikap jujur terhadap sayang." Mazlan tidak mahu membiarkan Yusnita terus berteka-teki.

"Maksud sayang apa?" Balas Yusnita inginkan kepastian.

"Ayang merupakan perempuan yang terlalu baik untuk sayang. Soal curang memang sayang inda curang arah ayang. Sayang cintakan ayang. Terlalu banyak pengorbanan ayang terhadap sayang. Selama ani ayang banyak membantu sayang. Ayang jua tahu sekarang ani sayang nada kaja tetapi hutang keliling pinggang. Cara sayang mendapatkan duit adalah dengan jalan ini sahaja. Sayang mahu ayang tahu semua ani. Sayang terpaksa ayang. Sayang inda tahu kan buat apa lagi." Pengakuan Mazlan cukup memeranjatkan Yusnita. Berderu air mata Yusnita. Dia

tidak sangka Mazlan sanggup berbuat begitu.

"Walaupun sayang susah sekalipun sayang tidak sepatutnya membuat hal macam itu. Sayang bukan mengurangkan masalah yang sayang hadapi tapi merumitkan lagi masalah. Ayang benar-benar kecewa dengan sayang. Kalau sayang inda bekerja ayang masih lagi dapat bersabar dan terima sayang seadanya tetapi you change already sayang." Yusnita menatang Mazlan bagaikan permata. Namun ini yang Yusnita dapat dari Mazlan. Dia tidak mahu berterusan begini. Walaupun dia menyintai Mazlan dan sayang akan perhubungan mereka tetapi dia tidak dapat lagi meneruskan perhubungan ini. Dia tidak mahu hidup bersama lelaki sebegini. Hidupnya akan berisiko besar jika terus bersamanya. Dia juga harus memikirkan dirinya juga dan masa depannya yang cerah ini.

"Sayang benar-benar minta maaf. Sayang tersepit banar saat ani. Atu saja jalan yang terbaik buat sayang. Tapi sayang mahu ayang tahu yang sayang tetap menyintai dan menyayangi ayang. Ayang seorang bertakhta di hati sayang." Mazlan memang seorang lelaki yang setia dalam percintaan tetapi kini Yusnita semakin bingung. Dia harus membuat keputusan.

"Ayang minta maaf sayang. Ayang inda dapat lagi meneruskan perhubungan kita ani. Ayang kecewa benar. Sekarang sayang buat haluan hidup sayang sendiri dan begitu juga dengan ayang." Balas Yusnita terus menutup telefon bimbitnya. Dia menangis tidak henti-henti. Mazlan hanya akur dengan keputusan Yusnita walaupun mereka saling cinta-menyintai tetapi dia sedar Yusnita bukan untungnya dan dia tahu mustahil bagi Yusnita untuk menerima lelaki seperti ini. Sejak itu hubungan mereka terputus di tengah jalan. Yusnita dan Mazlan membuat haluan sendiri.

Setelah hubungan Mazlan dan Yusnita putus, Tarmizi sedaya upaya untuk menambat hati Yusnita semula. Dia tidak akan berputus asa begitu sahaja. Yusnita belum lagi membuat keputusan sama ada mahu menerima Tarmizi untuk menjadi kekasihnya atau pun membiarkan sahaja dirinya hidup single. Yusnita tidak mudah itu dapat melupakan Mazlan seperti mana dahulu dia mengambil masa untuk melupakan Tarmizi. Dia berdoa siang dan malam agar Mazlan dapat kembali ke pangkal jalan. Walaupun dia cintakan Mazlan tetapi dia tidak dapat memilikinya. Aku tabah menjalani kehidupan yang penuh dengan cabaran dan berliku.



Kebawah DYMM berkenan kurniakan kunci-kunci rumah dan lot perumahan



1 & 2. **KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengurniakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah kepada penerima lelaki dan wanita.
3. **KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berinteraksi dengan para penghuni sebuah rumah yang baginda lawati.
4. **KEBAWAH** DYMM sangat tertarik hasil kerja seorang murid di Sekolah Rendah Dato Basir.



5. **BAGINDA** ketika berkenan melawat ke Perpustakaan Lambak Kanan.
6. **BERTUAH** ... Anak ini sungguh bertuah mendapat layanan mesra daripada baginda.

RAJA BERJIWA RAKYAT

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Siti Zuraihah Awang Sulaiman
Foto : Ramli Tengah, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Zul-izzi Haji Duraman, Abdul Kadir Md. Tahir

RIMBA, Rabu, 30 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat ke rumah-rumah para penerima Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, Kampung Tungku, Gadong dan Kampung Madang di Daerah Brunei dan Muara.

Baginda berangkat bercemar duli ke rumah-rumah berkenaan selepas mengurniakan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah dan Rumah Teres Di Bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Gadong serta Rumah Kembar dan Perumahan Di Bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, Kampung Tungku dan Kampung Madang.

Ini menggambaran bahawa baginda merupakan seorang raja yang berjiwa rakyat yang sentiasa memedulikan kesejahteraan rakyat dan penduduk baginda.

Keberangkatan baginda bermula dengan melawat ke rumah Awang Haji Johari bin Haji Abd. Hamid yang menerima

anak kunci rumah jenis *Deluxe* bagi Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, Gadong.

Seterusnya baginda berangkat melawat ke rumah Awang Othman bin Haji Maidin, Dayang Hajah Rapih binti Haji Enche, Awang Haji Talib bin Abdullah dan Dayang Fatimah binti Budiman yang menerima rumah teres bagi RPN Kampung Rimba.

Baginda juga berkenan melawat ke rumah Awang Abdul Aziz bin Awang Abas serta Awang Zulzali bin Haji Serudin dan Awang Abdullah bin Awang Ali yang menerima rumah jenis *Standard*.

Kebawah DYMM kemudiannya berangkat meneruskan lawatan ke rumah penerima Lot Perumahan Di Bawah Skim Kampung Rimba, Awang Md. Hilmy bin Haji Md. Noor dan rumah terakhir yang dilawati oleh baginda ialah penerima Lot Perumahan Di Bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba iaitu rumah Awang Haji Metussin bin Haji Jaafar.

Baginda juga berkenan berkunjung ke rumah-rumah para penerima yang tidak termasuk di dalam jadual lawatan baginda.

- 11. **JUNJUNG ZIARAH** ... Baginda berkenan menerima junjung ziarah dari para penduduk semasa baginda bercemar duli ke rumah salah seorang penerima.
- 12. **BAGINDA** berkenan bergambar ramai bersama keluarga seorang penerima.
- 13. **BAGINDA** semasa bergambar kenangan bersama para guru Sekolah Rendah Dato Basir.

SEPANJANG kunjungan ke rumah-rumah tersebut, baginda dengan riang gembira berkenan berinteraksi dan beramah mesra dengan para penerima sambil berkesempatan merakamkan gambar kenangan dengan ahli-ahli keluarga para penerima.



7. **BAGINDA** berbulu mesra dengan Awang Haji Johari bin Abd. Hamid penerima rumah jenis *deluxe*.
8. **BAGINDA** berbulu mesra dengan salah seorang penghuni rumah Skim Rancangan Perumahan Negara di Kampung Rimba Gadong.
9. **BAGINDA** dengan penuh minat mendengar sembah penerangan yang disembahkan oleh salah seorang penerima.
10. **BAGINDA** ketika menitahkan sesuatu kepada seorang pengusaha kuih sapit, Dayang Hajah Kasnah binti Sulaiman.




MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Bulan Rejab adalah di antara bulan-bulan yang mulia dalam Islam. Dalam bulan ini telah mencatatkan satu sejarah penting bagi seluruh umat Islam iaitu berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada 27 Rejab. Oleh itu pada setiap menjelang hari tersebut, seluruh umat Islam meraiikannya dengan rasa syukur dan gembira bagi mengingati peristiwa yang menakjubkan dan luar biasa tersebut. Ini termasuklah juga negara kita Brunei Darussalam yang meraiikannya pada setiap tahun dengan mengadakan pelbagai majlis ilmu dan keagamaan.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa peristiwa Israk dan Mikraj merupakan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan anugerah ini merupakan antara mukjizat terbesar Baginda yang tidak pernah dikurniakan kepada Nabi-nabi dan Rasul-rasul sebelumnya. Peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah satu peristiwa ghaib yang tidak dapat dicapai oleh pemikiran manusia. Israk dan Mikraj ialah peristiwa di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah di israkkan (di perjalankan) dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidilaqsa di Pelastin dan telah di mikrajkan (dinaikkan) ke langit menuju ke Sidratulmuntaha dalam dalam waktu yang singkat, iaitu hanya sepertiga malam. Jika difikirkan jarak antara Masjidilharam dengan Masjidilaqsa adalah jauh, lebih-lebih lagi naik ke langit hingga ke langit yang ke tujuh. Dalam peristiwa tersebut Baginda juga diperlihatkan pelbagai kejadian luar biasa antaranya nikmat syurga dan azab api neraka.

Namun sebagai umat Islam, kejadian luar biasa itu merupakan suatu yang tidak mustahil terjadi, ia berlaku dengan kehendak dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.



Akan tetapi perkara inilah yang menjadi dugaan dan cabaran bilamana Baginda menceritakan pengalamannya itu kepada penduduk Mekah dengan harapan golongan kafir Quraisy akan beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh kerana peristiwa tersebut berlaku di luar logik akal dan luar biasa, maka ada di antara penduduk Mekah yang tidak yakin dengan kebenaran peristiwa tersebut sehingga mereka mengatakan Baginda adalah seorang pendusta. Walau bagaimanapun terdapat juga di kalangan para sahabat yang tetap teguh imannya dan mempercayai apa jua yang disampaikan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, antaranya Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq.

Sesungguhnya peristiwa Israk dan Mikraj telah disebut dalam Al-Qur'an dalam Surah Al Israa' ayat 1, tafsir-Nya :

"Maha Suci Allah yang menjalankan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) pada malam hari daripada Masjidilharam di Mekah ke Masjidilaqsa yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepada-Nya kekuasaan dan kebesaran Kami. Sesungguhnya Allah jualah Maha Mendengar,

Raikan peristiwa Israk Mikraj dengan rasa syukur, gembira

"MAHA Suci Allah yang menjalankan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) pada malam hari daripada Masjidilharam di Mekah ke Masjidilaqsa yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepada-Nya kekuasaan dan kebesaran Kami. Sesungguhnya Allah jualah Maha Mendengar, Lagi Maha Mengetahui."
- Surah Al Israa', ayat 1

setelah kewafatannya, orang kafir Quraisy berani mengganggu dan mengancam Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Setelah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merasakan pergerakan dakwah di Mekah semakin sempit, Baginda meluaskan dakwah ke Ta'if. Namun penduduk Ta'if bukan sahaja menolak dakwah Baginda bahkan melemparkan pelbagai cacian, penghinaan dan penganiayaan terhadap Baginda. Dalam keadaan kesedihan yang dihadapi, maka Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan Malaikat Jibril Alaihissalam membawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk di Israk dan di Mikrajkan.

Dalam peristiwa Israk dan Mikraj, terdapat beberapa hikmah yang boleh dijadikan pengajaran yang amat berguna sekali untuk umat Islam, antaranya ialah :

Pertama: Agar manusia sentiasa mewujudkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, di kala senang dan susah. Ini kerana hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahaja yang mampu memberi pertolongan dan menghilangkan rasa kesedihan dan kesusahan dalam diri manusia. Sebagaimana kita lihat sejarah sebelum terjadi Israk dan Mikraj, Baginda telah ditimpa beberapa musibah tetapi Baginda tetap meneruskan dakwah dalam agama Islam. Ia memberi pengajaran kepada kita agar sentiasa mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada bila-bila masa, lebih-lebih lagi ketika menerima ujian yang berupa musibah dan kepayahan dan sebagainya.

Kedua: Peristiwa Israk dan Mikraj itu juga adalah

untuk memperlihatkan akan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala sebagai Pencipta agar keyakinan terhadap kekuasaan-Nya benar-benar tumbuh dalam jiwa manusia.

Ketiga: Dalam perjalanan Israk dan Mikraj, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah dibawa melihat keadaan syurga dan neraka. Di dalam syurga Baginda melihat kenikmatan yang bakal diperolehi oleh hamba-hamba Allah yang beriman. Manakala di dalam neraka pula Baginda menyaksikan pelbagai bentuk penyiksaan yang amat dahsyat lagi mengerikan yang disediakan untuk orang-orang yang melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebenarnya Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyaksikan banyak kejadian yang bakal diterima oleh manusia berdasarkan amal perbuatan yang dilakukan semasa hayat di dunia. Ada yang menerima kenikmatan di dalam syurga dan ada pula yang menerima penyiksaan di dalam neraka. Adapun antara kenikmatan di dalam syurga yang diperlihatkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah mengenai segolongan orang menanam benih padi, pada ketika itu juga ia akan membuahkan hasil dan kejadian itu akan berlaku secara berterusan. Itulah pengajaran yang bakal diperolehi oleh orang yang suka menginfakkan (membelanjakan) harta bendanya di jalan Allah. Selain itu Baginda juga tercium bau yang sangat harum dan Jibril menjelaskan bahawa itu adalah bau Masyitah yang telah rela mengorbankan diri demi mempertahankan aqidah dan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua: Peristiwa Israk dan Mikraj itu juga adalah

Manakala di dalam neraka pula, Baginda melihat banyak kejadian ngeri yang merupakan balasan bagi orang-orang yang membuat dosa, antaranya melihat segolongan orang yang memukul-mukul kepala mereka sendiri sehingga hancur, akan tetapi selepas itu, kepala itu akan bercantum semula dan kembali seperti sedia kala. Kemudian mereka memukul kepala lagi hingga hancur dan kejadian itu akan terus berlaku secara berulang-ulang. Azab tersebut adalah bagi orang yang suka melengah-lengahkan sembahyang sehingga habis waktu sembahyang.

Selain itu Baginda juga menyaksikan segolongan lelaki dan wanita yang memotong satu potongan daging salah seorang daripada mereka, kemudian mereka meletakkan potongan daging tersebut pada mulut salah seorang daripada mereka itu dan berkata kepadanya, "makanlah sepertimana aku makan." Itu adalah gambaran bagi orang yang mengumpat, pencela serta pengadu domba.

Sebenarnya Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyaksikan banyak kejadian yang bakal diterima oleh manusia akibat dari perbuatan yang tidak mengikut dan mematuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Kalau difikirkan, semua kejadian yang telah diperlihatkan itu patut menjadi iktibar dan peringatan kepada kita supaya sentiasa berpegang kepada ajaran agama Islam. Tidak dinafikan kita tidak terlepas dari membuat kesilapan, kerana itulah kita wajib bertaubat dan menginsafi apa jua perbuatan yang melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Allah itu Maha Penyayang dan Maha Pengampun kepada hamba-hamba-Nya.

Oleh itu marilah kita sama-sama mengambil iktibar dari gambaran-gambaran yang diperlihatkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj itu sebagai panduan dan pembimbing menuju kebaikan dan kesempurnaan, semoga dengan demikian kita selamat dari segala bencana dan malapetaka dunia dan selamat dari azab api neraka.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa 15 Julai adalah tarikh bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam, kerana pada tarikh itulah raja yang kita kasihi telah diputerakan. Sebagai tanda memperingati Hari Keputeraan

baginda serta sebagai tanda menzahirkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja, maka pada setiap tahun kita meraikan Majlis Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sebagaimana kelazimannya apabila menjelang sambutan tersebut, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini diarahkan mengibarkan bendera sebagai tanda membesarkan dan memeriahkan suasana sambutan perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda. Adapun seruan untuk mengibarkan bendera telah bermula pada 1 Julai dan hendaklah diteruskan sehingga 31 Julai 2010 oleh itu, marilah kita sama-sama menyahut seruan kerajaan supaya mengibarkan bendera negara ini sebagai tanda ketaatan dan kesetiaan kita kepada raja yang dicintai.

Akhirnya marilah kita sama-sama meraikan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta meraikan peristiwa Israk dan Mikraj dengan rasa syukur dan gembira. Kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita sebagai hamba-Nya yang soleh serta dapat berkhidmat dan berbakti kepada raja, agama dan bangsa dan seterusnya kita dapat mencapai kehidupan yang bahagia di dunia dan di Akhirat. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa' ayat 60, tafsir-Nya:

"Dan ingatlah tatkala Kami wahyukan kepadamu wahai Muhammad, bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya dan tiadalah Kami menjadikan pandangan pada malam Mikraj yang telah kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia dan demikian juga Kami jadikan pokok yang dilaknat di dalam Al-Qur'an dan Kami beri mereka takut dengan berbagai-bagai amaran maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau-lampau."

Waktu Sembayang Daeirah Brouni Mawara Dan Temburog, Amasak, Shorooq Dan Zuhri

Waktu Sembayang, Amasak, Shorooq Dan Zuhri Brouni Mawara Dan Temburog, Amasak, Shorooq Dan Zuhri 2010
Bersamaan dengan 20 Rejab 1431 Hijrah
Keharijeme 9 Jun 2010 Bersamaan 26 Rejab 1431 Adaleh Sufert Dabaweh: -

Masih	Hari	Hijriah	Amasak	Shorooq	Zuhri	ظهر	عصر	مغرب	عشاء
جولاي		رجب							
3	سبتو	20	4.38	4.48	6.12	6.37	12.26	3.52	6.37
4	احد	21	4.39	4.49	6.12	6.37	12.26	3.52	6.37
5	الثين	22	4.39	4.49	6.12	6.37	12.26	3.52	6.37
6	ثلاث	23	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37
7	رابع	24	4.39	4.49	6.13	6.38	12.26	3.52	6.37
8	خميس	25	4.40	4.50	6.13	6.38	12.27	3.52	6.38
9	جمعة	26	4.40	4.50	6.13	6.38	12.27	3.52	6.38

Waktu Sembayang Daeirah Brouni Mawara Dan Temburog, Amasak, Shorooq Dan Zuhri 2010
Bersamaan dengan 20 Rejab 1431 Hijrah
Keharijeme 9 Jun 2010 Bersamaan 26 Rejab 1431 Adaleh Sufert Dabaweh: -

JABATAN PEGUAM NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN KAWASAN DALAM / LUAR BANGUNAN UNDANG-UNDANG DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. **Tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 13 Julai 2010.**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah di pelawa daripada pemborong-pem borong tempatan bagi Pemeliharaan Dalam/Luar Bangunan Undang-Undang, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang beralamat seperti di bawah:
Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Tingkat II, Bangunan Undang-Undang Dan Mahkamah-Mahkamah,

3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
4. Semua tawaran hendaklah dikirim dengan sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan sebarang identity pemborong. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah dituliskan nama TAWARAN PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN KAWASAN DALAM / LUAR BANGUNAN UNDANG-UNDANG DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

5. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar ke Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Tingkat II, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan sebanyak \$100.00 (tunai). Wang ini tidak akan dikembalikan.
6. Tawaran ini adalah untuk tempoh dua (2) tahun.
7. Borang tawaran, syarat-syarat tawaran dan keterangan lanjut mengenai perkara ini bolehlah diperolehi seperti alamat yang dinyatakan di perenggan 5 di atas.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau apa-apa jua tawaran.

JABATAN PENERBANGAN AWAM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. SEBUT HARGA adalah untuk "THE SUPPLY & DELIVERY OF NON DIRECTIONAL BEACON (NDB)" [MODEL : ND 16000; MANUFACTURER: NAUTEL]
2. Sebut harga hendaklah dihantar ke Peti Sebut harga di Luar Ibu Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang, Tingkat Dua, Bangunan Terminal Penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan sebut harga untuk "THE SUPPLY & DELIVERY OF NON DIRECTIONAL BEACON (NDB)" [MODEL : ND 16000; MANUFACTURER: NAUTEL]

hendaklah sampai kepada Peti Sebut harga **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Rabu, 21 Julai 2010**. Sebut harga - Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat 3, Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan Negara Brunei Darussalam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu).
5. Penerangan-Penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam.

Telephone : 2330142 ext 1010
Fax : 2333666

Bilangan Sebut harga : ATELS/2010/SH-01 (R)

Tarikh Tutup : 21 Julai 2010 (hari Rabu)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, d/a Bangunan Terminal, Tingkat 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam.

3. Sebut harga - Sebut harga

6. Salinan Sijil Pendaftaran dan salinan keterangan Bank pemborong/syarikat (Nama Bank, Branch dan Account) hendaklah disertakan bersama.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN PENERBANGAN AWAM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. SEBUT HARGA adalah untuk "PEMBELIAN BEKAS PERALATAN SISTEM LOCALISER #03 & #21 MODEL WILCOX MARK 10, SISTEM GLIDEPATH #03 & #21 MODEL WILCOX MARK 10, DISTANCE MEASURING EQUIPMENT #03 & #21 MODEL 5960DME DAN REMOTE CONTROL STATUS UNIT WILCOX".
2. Sebut harga hendaklah di hantar di dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identity atau logo syarikat dengan menandakannya seperti berikut :-
SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBELIAN BEKAS PERALATAN SISTEM LOCALISER #03 & #21 MODEL WILCOX MARK 10, SISTEM GLIDEPATH #03 & #21 MODEL WILCOX MARK 10, DISTANCE MEASURING EQUIPMENT #03 & #21 MODEL 5960DME DAN REMOTE CONTROL STATUS UNIT WILCOX YANG DIHAPUSKAN DARI KIRA-KIRA HARTA BENDA KERAJAAN
SEBUT HARGA BILANGAN : ATELS/2010/SH-12
TARIKH TUTUP : 28 JULAI 2010

yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat 3, Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan Negara Brunei Darussalam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu).

5. Keterangan perkhidmatan yang dikehendaki adalah seperti di dalam ANNEX B1. Jumlah harga tawaran hendaklah dicatat / di tulis dengan betul dan jelas dami mengelakkan sebut harga berkenaan tiada layanan.

6. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam.

Telephone : 2330142 ext 1010
Fax : 2333666

Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga Jabatan Penerbangan Awam, d/a Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan, BB2513, Negara Brunei Darussalam.

3. Sebut harga - sebut harga hendaklah sampai kepada Peti Sebut harga **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Rabu, 28 Julai 2010**. Sebut harga-sebut harga

7. Sebut harga hendaklah sah sehingga 120 hari dari tarikh tutup pelawaan sebutharga ini.

8. Sebut harga hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Sebutharga (ANNEX B1).

9. Borang Sebut harga hendaklah dikembalikan walaupun syarikat tidak dapat memberikan sebutharga iaitu dengan mencatat / menulis "TIADA TAWARAN" di atas borangan berkenaan.

10. Salinan Sijil Pendaftaran pemborong/syarikat hendaklah disertakan bersama.

11. Borang Sebut harga [Annex A] - Pengesahan resit penerimaan salinan asal sebut harga (*Confirmation receipt of original quotation*) perlu dikembalikan.

JABATAN AUDIT, JABATAN PERDANA MENTERI

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu jualan lelong secara sebutharga bagi 50 unit (perabot dan peralatan/perkakas pejabat) kepunyaan Jabatan Audit yang mana **jualan lelong akan diadakan pada 7 Julai 2010 (hari Rabu), jam 9.00 pagi bertempat di Jabatan Audit, Bangunan BAHIRAH, Jalan Menteri Besar, Berakas 'A'**. Syarikat-syarikat Swasta dan orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan borang jualan lelong secara sebut harga dialamat JABATAN AUDIT BANGUNAN BAHIRAH, JALAN MENTERI BESAR, BERAKAS 'A' NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. **Tarikh tutup tawaran 13 Julai 2010, jam 9.00 pagi.**

orang ramai yang berminat hendaklah menggunakan borang tawaran jualan lelong secara sebut harga yang telah disediakan.

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dimasukkan kedalam Peti Sebut harga, Jabatan Audit, Tingkat 6, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat dari hari Isnin 12 Julai 2010, jam 2.00 petang** dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat (*sealed*) dan ditulis dengan terang "MELELONG BARANG-BARANG SECARA SEBUT HARGA BAGI 50 UNIT PERABOT DAN PERALATAN/PERKAKAS PEJABAT JABATAN AUDIT, BANGUNAN BAHIRAH,

JALAN MENTERI BESAR, BERAKAS 'A' tanpa menunjukkan nama pembeli (seperti dimuka depan dokumen tawaran sebut harga).

3. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam) setelah berjaya menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian adalah dikira menarik diri daripada tawaran jualan lelong tersebut.
4. Pembeli yang berjaya hendaklah memindah barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari setelah berjaya menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang pembayaran yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan dan barang-barang tersebut akan dilelong semula atau dimusnahkan.

1. Syarikat-syarikat Swasta dan

BIL	KETERANGAN BARANG	MODEL	JUMLAH
1	MESIN PENGGAMBAR	CANON	1 UNIT
2	MESIN PENGGAMBAR	MINOLTA	1 UNIT
3	MESIN PENGGAMBAR	MINOLTA EP 4000	2 UNIT
4	TYPEWRITER	CANON AP 510	2 UNIT
5	TYPEWRITER	CANON	1 UNIT
6	TYPEWRITER	COMPORT	1 UNIT
7	TYPEWRITER	OLYMPIA	1 UNIT
8	TYPEWRITER	CANON AP 500	1 UNIT
9	CALCULATOR	CANON	3 UNIT
10	CALCULATOR	CANON L 3	2 UNIT
11	CALCULATOR	CANON LC 1014	2 UNIT
12	CALCULATOR	TEXAS	1 UNIT
13	KERUSI LIPAT	-UNIT	2 UNIT
14	KERUSI PEJABAT	-	15 UNIT
15	TELEFON	PHILIPS	2 UNIT
16	TYPIST CHAIR	-	2 UNIT
17	EXECUTIVE CHAIR HIGH BACK	-	2 UNIT
18	KASUT SAFETY	-	9 PASANG
JUMLAH SEMUA			50 UNIT

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN CONSULTANCY SERVICES FOR PROPOSED DEVELOPMENT OF NEW GERAI KAMPUNG LUMAPAS, MUKIM LUMAPAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN JDBM / EOI / 02 / 2010

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat yang mempunyai Sijil Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.
2. Dokumen Tawaran boleh diperolehi di Unit Projek, Tingkat 1, Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah, Jabatan

Daerah Brunei dan Muara. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus ke Bahagian dan alamat di atas atau melalui talian 2381581 Ext 126.

4. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim diluar sampul surat itu kecuali ditulis dengan:-
CONSULTANCY SERVICES FOR PROPOSED DEVELOPMENT OF NEW GERAI KAMPUNG LUMAPAS, MUKIM LUMAPAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
5. Tawaran tersebut hendaklah

dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti dibawah :-

Peti Tawaran
Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, BS 8610, Negara Brunei Darussalam. **TIDAK LEWAT HARI SELASA, 17 OGOS 2010, JAM 12.00 TENGAH HARI.**

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran samada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.


JABATAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan : JPH/S/TAW/263
Tajuk Tawaran :
MENINGKATKAN
KEMUDAHAN DI TAMAN
REKREASI HUTAN BUKIT
SUBOK-BANGUNAN DAN
TANDAS AWAM.

PERINGATAN : KEPADA PENENDER
-PENENDER, SYARAT-SYARAT
DAN KEPERLUAN YANG MESTI
DIPATUHI OLEH SEMUA
PENENDER YANG INGIN
MENGAMBIL BAHAGIAN BAGI
SEBARANG TAWARAN DI
JABATAN INI ADALAH SEPerti
BERIKUT:-

1. Membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam Borang Dokumen Tawaran dan spesifikasi teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan lengkap dan teratur.
2. Mempunyai pendaftaran

syarikat yang sah daripada kementerian undang-undang Negara Brunei Darussalam dan di Jabatan Perhutanan yang masih sah.

3. Penender hanya dibenarkan untuk mengisi satu (1) set borang tawaran untuk tujuan satu (1) harta tawaran sahaja (*one offer only*).
4. Borang tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dihadapkan dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Tingkat bawah di Bangunan Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.
5. Semua tawaran yang dihadapkan mestilah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti penender.
6. Dokumen tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan tersalah

tempat seperti yang ditetapkan tidak akan dilayan (dibatalkan).

7. Penender mestilah menyertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan seperti lisen perniagaan bil 16 & 17, *Business License* bagi syarikat berhad & sendirian berhad, lisen-lisen yang berkaitan seperti yang dipersyaratkan oleh Jabatan ini, sijil-sijil pendaftaran kelas kategori dari Kementerian Pembangunan, resit pembelian dokumen, senarai pemilik, kad pengenalan pemilik syarikat bagi rakyat Brunei dan/atau paspot bagi warganegara asing, pengetahuan/pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan.
8. Mengisi borang pengakuan/*declaration form* dengan lengkap.
9. Tawaran ini hanya terbuka kepada kontraktor kelas IV ke atas.


LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KENYATAAN TAWARAN

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan Identiti Pengirim.
3. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (*Business Names of Enactment Section 16 & 17*) atau *List of Directors* dan salinan kad

4. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN bertempat di Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri, Tingkat 1,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan : BBSB/LTK/13/2010
Tajuk : MEMBEKALKAN
SEBUAH (1) SWEEPER

Bayaran menyertai tawaran ini

ialah \$100.00 bagi setiap satu tawaran dan bayaran tidak akan dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibayar :

5. Borang tawaran bolehlah didapati dari Bahagian Pentadbiran, Tingkat 4, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Kumbang Pasang semasa waktu pejabat dibuka.
6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tender yang disebutkan tidak akan dilayan.
7. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.


JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN, KEMENTERIAN
PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

1. BILANGAN TAWARAN :
JKP/SH/2010-2011/15

Tajuk Tawaran : BRUNEI CUL-
TURAL PERFORMANCE
AT JATA WORLD TRAVEL
FAIR, 24-26 SEPTEMBER 2010,
TOKYO, JAPAN

Yuran Tawaran : \$5.00
 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran : **Hari Kha-**
mis, 8 Julai 2010, jam 2.00
petang.

2. Bilangan Tawaran :
JKP/SH/2010-2011/16
Tajuk Tawaran : EXPORT
SHIPMENT BY AIR CARGO
(EX BRUNEI TO TOKYO, JA-
PAN AND RETURN SHIPMENT
TO BRUNEI-DOOR TO DOOR
DELIVERY) - JATA WTF 2010

Yuran Dokumen : \$5.00
 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran : **Hari Kha-**
mis, 8 Julai 2010, jam 2.00
petang.

3. Bilangan Tawaran :
JKP/SH/2010-2011/17
Tajuk Tawaran : DESIGNING
BOOTH LAYOUT AND
SPECIFICATION FOR BRUNEI
TOURISM
BOOTH/ PAVILION 2011-2012

Yuran Dokumen : \$5.00
 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran : **Hari Kha-**

mis, 8 Julai 2010, jam 2.00
petang.

Syarat-Syarat Tawaran :

BILANGAN TAWARAN:
JKP/SH/2010-2011/15 adalah dipelawa dari syarikat-syarikat berdaftar yang berpengalaman daripada segi persembahan kebudayaan ATAU syarikat-syarikat berdaftar yang berpengalaman dalam pengurusan acara (*event management*) dalam dan luar negeri.

BILANGAN TAWARAN :
JKP/SH/2010-2011/16 adalah dipelawa dari syarikat-syarikat berdaftar sebagai *freight forwarding agency*.

BILANGAN TAWARAN:
JKP/SH/2010-2011/17 adalah dipelawa dari syarikat-syarikat berdaftar yang berpengalaman daripada segi rekaan dalaman dan pembinaan booth atau pavilion di pameran-pameran perdagangan dan pelancongan dalam dan luar negeri.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dialamatkan kepada :

Pengerusi,
Jawatankuasa Sebut Harga,
Jabatan Kemajuan Pelancongan,
Kementerian Perindustrian
dan Sumber-Sumber Utama,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam.

dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut

harga yang terletak di Tingkat 2, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam setiap tawaran tersebut.

2. Dokumen-Dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 2, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.

3. Pembayaran Yuran Tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada waktu-waktu seperti berikut:

Isnin - Khamis :
8.30 pagi - 11.00 pagi
dan 2.00 petang - 3.00 petang
Sabtu : 8.30 pagi - 10.00 pagi

4. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang tawaran asal yang telah disediakan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.


JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JUALAN lelong akan diadakan pada tarikh, waktu dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 12 Julai 2010

Hari :

Isnin (9.30 pagi hingga 10.30 pagi

Tempat : Pejabat Tanah, Kuala Belait

Syarat-Syarat Lelong:-

1. PEMBELI yang berjaya dikehendaki membayar secara tunai dan memindahkan alat-alat perkakas pejabat yang dibeli tidak lewat 7 hari dari tarikh perlelongan tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai Kastam jika di perlukan.
3. Alat-alat perkakas pejabat yang telah di beli, tetapi tidak di pindahkan

dari tempat tersebut dalam tempoh 7 hari dari tarikh perlelongan ini akan di rampas dan akan di lelong semula.

Senarai Barang Lelongan

1. Mesin penggambar - 1 unit
 2. Sorter - 1 unit
 3. Printer HP Jet 330 - 1 unit
 4. Manual Typewriter Adler 275 - 2 unit
 5. CPU HP Brio Monitor - 1 unit
 6. Philip - 1 unit
 7. HP - 2 unit
 8. Kerusi Pejabat - 12 unit
 9. Kabinet fail - 15 unit
 10. Meja pejabat - 1 unit
 11. Meja Tukang Lukis - 1 unit
 12. Meja Taip - 1 unit
 13. Trolley - 1 unit
- Jumlah : 40 unit


BIRO KAWALAN NARKOTIK, JABATAN PERDANA MENTERI
JUALAN LELONG BAGI 31 UNIT
PERALATAN-PERALATAN
ELEKTRIK DAN 52 UNIT PERA-
BOT/PERALATAN/PERKAKAS
PEJABAT PUSAT AL-ISLAH

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa jualan lelong peralatan-peralatan elektrik/perabot dan peralatan/perkakas pejabat akan diadakan pada hari **Khamis, 22 Julai 2010. Berempat di Kawasan Pusat Al-Islah, Jalan Kerakas Payau Kampung Kupang Tutong, jam 9.30 pagi.**

Syarat-Syarat Lelong:

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat dari tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan tersebut.
2. Barang-barang yang telah dibeli

tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan ini akan dirampas kembali dan dilelong semula.

Keterangan Barang

1. Freezer - 1 unit
2. Washing Machine National - 1 unit
3. Peti Sejuk - 2 unit
4. Elektrik Cooker Starlight - 1 unit
5. Stand Fan - 9 unit
6. Ceiling Fan - 17 unit
7. Kerusi Pejabat - 7 unit
8. Lampu Suluh Elektrik - 11 unit
9. Measuring Tape - 21 unit
10. Helmet (Topi Keselamatan) - 7 unit
11. Kabinet Besi - 3 unit
12. Almari Besi - 1 unit
13. Shredder 1220mw - 1 unit
14. Projektor - 1 unit


INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
PENGAMBILAN PELAJAR
BAGI PROGRAM DIPLOMA
'ALYAH QIRAAT INSTITUT
TAHFIZ AL-QURAN SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH
BAGI 2010-2013

INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH merupakan satu-satunya Institut pengajian Al-Quran di Negara Brunei Darussalam mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk mengikuti pengajian Diploma 'Alyah Qiraat.

SISTEM PENGAJIAN

Program ini dijalankan mengikut sistem semester 3 tahun (6 semester). Pelajar akan dibimbing dan dilatih sebagai seorang Huffaz yang mampu menghafaz 30 juzuk Al-Quran. Modul lain yang akan diikuti meliputi bidang pengajian Al-Quran, Qiraat, Pengajian Islam dan Bahasa Arab dan Melayu Islam Beraja (MIB).

SYARAT-SYARAT PEMOHON

a) Terbuka kepada semua warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam.

b) Memperolehi pangkat Jayyid sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam peperiksaan SPU (Sijil Pelajaran Ugama) atau 4 kredit dalam Brunei Cambridge GCE 'O' Level termasuk Bahasa Melayu dan Bahasa Arab.

c) Lulus temuduga kemasukan.

d) Mempunyai aqan kesihatan

dari pusat kesihatan kerajaan yang diiktiraf

e) Warganegara asing yang berminat dan berkelayakan boleh memohon dengan membuat permohonan bertulis kepada pengerusi Lembaga Institusi Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

CARA MEMOHON

Borang Permohonan secara dalam talian (Online) boleh diisi melalui laman Web:

i) Pejabat Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Simpang 175, Km 2 Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, BA2112, Negara Brunei Darussalam.

ii) <http://www.itqshhb.blogspot.com>.

UJIAN DAN TEMUDUGA

Calon-Calon yang berkelayakan akan dipanggil untuk temuduga dan menduduki ujian bertulis.

TARIKH TUTUP
PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah 5 Julai 2010.

Untuk makluman lanjut, sila hubungi:-

Telephon :

2222090/093/096

sambungan : 229/230 & 231

Fax: 2222069

MAKLUMAN

Calon-calon yang tidak menerima apa-apa makluman selepas 5 Julai 2010 adalah dianggap tidak berjaya.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

SYARAT-SYARAT Tawaran:

SEBUT HARGA adalah untuk **"THE SUPPLY, DELIVERY AND TESTING OF NEW DEC DS700 SERVER FOR AIR TRAFFIC MANAGEMENT (ATM) PROCESSING SYSTEM FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION."**

(ATM) PROCESSING SYSTEM FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION".
Bilangan Sebut harga : **ATELS/-2010/SH-10**
Tarikh Tutup: **14 Julai 2010 (Hari Rabu).**

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, d/a Bangunan Terminal, Tingkat 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam.

- Sebut harga hendaklah dihantar ke Peti Sebut Harga di Luar Ibu Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang, Tingkat Dua, Bangunan Terminal Penumpang, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong ditulis dengan
- Sebut harga untuk **"THE SUPPLY, DELIVERY AND TESTING OF NEW DEC DS700 SERVER FOR AIR TRAFFIC MANAGEMENT**

- Sebut harga-sebut harga hendaklah sampai kepada Peti Sebut harga tidak lewat jam 2.00 petang, hari Rabu, 14 Julai 2010. Sebut harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat 3, Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan Negara Brunei Darussalam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu).
- Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam.
Telephone : 2330142 ext 1010 / 1534
Fax : 2333666
- Salinan sijil pendaftaran dan salinan keterangan bank pemborong / syarikat (Nama Bank, Branch dan Account) hendaklah disertakan bersama.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

PROJECT TITILE : PROPOSED 350 UNITS TERRACE HOUSE FOR NATIONAL HOUSING SCHEME (CONTRACT H17,H18, H19, & H20) (PACKAGE 2) AT KG. MERAGANG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROJECT NO. JKP/12/2010

SUKACITA dimaklumkan bahawa tarikh tutup tawaran bagi projek yang tersebut diatas adalah dengan ini dilanjutkan seperti berikut:

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan tawaran boleh dilihat dan didapati di Tingkat 1, Bahagian Perancangan Projek, Jabatan Kemaajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga **jam 2.00 petang, hari Selasa 27, Julai 2010.**

1. Permohonan ikut serta tawaran
JKR/DWS/018/2010**

Tajuk Projek :
KERJA-KERJA PENAMBAHBAIKAN KE ATAS SISTEM BEKALAN AIR (DALAMAN) DI BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
Yuran Tawaran : **\$30.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III, IV & V SAHAJA KATEGORI 1/KA01, 5/KPB06 & 6a/PO1 SAHAJA.

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran : 30 Jun 2010. Tarikh Terakhir Pengambilan Dokumen Tawaran : Tidak lewat jam 2.30 petang, hari Selasa, 13 Julai 2010.
Tarikh Tutup : Tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 6 Julai 2010.

**Bilangan Tawaran :
JKR/DOR/SRM 35/2010**

Tajuk Projek :
KERJA-KERJA PEMBINAAN LALUAN KECEMASAN DI DUA BUAH LOKASI DI LEBUHRAYA SULTAN HASSANAL BOLKIAH
Yuran Tawaran : **\$100.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III, IV & V DI BAWAH KATEGORI 5(j) SAHAJA

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Isnin, 12 Julai 2010.
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 20 Julai 2010, jam 2.00 petang.

**Bilangan Tawaran :
JKR/DME/24/BPB/2010**

Tajuk Projek :
PEMELIHARAAN BERKON-

TRAK SISTEM HAWA DINGIN DAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI BANGUNAN KERAJAAN DALAM KUMPULAN 2C (BAHAGIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, BERAKAS) UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Nombor Projek : **BPB/AM 116**
Yuran Tawaran : **\$50.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS VI (V & VI) KATEGORI 1, 3, 4(d), 5(b,c,d), 6(a,f) & 7(a,b) SAHAJA
Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Sabtu, 17 Julai 2010
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 27 Julai 2010, tidak lewat jam 2.00 petang.

**Bilangan Tawaran :
JKR/DDS 025/2010 -
(CDE/JT.T.VI)**

Tajuk Projek :
KERJA-KERJA SALIRAN SUNGAI KEDAYAAN FASA 5 (FLOOD WALLS, KG. MENGLAIT, KG. KIARONG).

Nombor Projek : **10/DDS/CDE(JT)931-021**
Yuran Tawaran : \$1,000.00
Yuran Dokumen : \$1,000.00
Jumlah Yuran : **\$2,000.00** (tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS I, II & III KATEGORI 1 & 2 SAHAJA
Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Hari Selasa, 13 Julai 2010.
Tarikh Tutup : Hari Selasa, 27 Julai 2010, jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran :
JKR/DOD/12/2010**

Tajuk Projek :
PENYEDIAAN TAPAK PERUSAHAAN BARU
Supply and Installation of Fencing Panel to Sub-station Building (Direct Contract)

Nombor projek: **904-008**

Jumlah Yuran Tawaran : **\$30.00** (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DDGKB ...") boleh dilihat dan di perolehi dari Unit Konek, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



**LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

KENYATAAN TAWARAN

**Tajuk: REQUEST FOR PROPOSAL (RFP):
LEASE AND OPERATION OF BSB
WATERFRONT CAFE**

Bilangan Tawaran : BBSB/LTK/12/2010

Tarikh Tutup Tawaran : Hari Selasa, 10 Ogos 2010, jam 2.00 petang.

Syarat-Syarat Tawaran:

i. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang bereputasi dalam mengendalikan bidang *entrepreneurial hospitality* ataupun bidang lain yang berkaitan dengannya.

ii. Tawaran-Tawaran hendaklah dibuat dalam dua (2) salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran serta Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan identiti pengirim.

iii. Tawaran-Tawaran hendaklah disertakan salinan Pendaftaran Syarikat, Salinan Sijil Perniagaan (*Business Names of Enactment Sec 16 & 17*) dan salinan kad pengenalan pemilik/pemegang saham syarikat.

iv. Bayaran **BS100.00** (SERATUS RINGGIT

sahaja) secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran (tidak dikembalikan).

v. Bayaran Dokumen tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 3, Jabatan Bandar, Bandar Seri Begawan, Jalan Kumbang Pasang, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu pejabat dibuka.

vi. Borang tawaran boleh dilihat didapati dari Bahagian Pengurusan Projek, Jabatan Bandar BSB, Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan pada waktu-waktu pejabat dibuka.

vii. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN bertempat di Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat hari Selasa, 10 Ogos 2010, jam 2.00 petang.**

viii. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran tidak akan dilayan.

ix. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus ke Bahagian Pengurusan Projek di alamat di atas atau melalui talian telefon 2244 151 sambungan 120/111/222 atau 2232 428 sambungan 284.



**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas V sahaja dan dan Kategori Kerja 3 bagi :

**Projek : PROPOSED
SUPPLY INSTALL
A SEWERAGE
PACKAGE TREATMENT
PLANT TO
HOUSING PHASE
3 & 4 FOR NATIONAL
HOUSING SCHEME
AT KG. TANAH
JAMBU, NEGERA BRUNEI
DARUSSALAM.**

No. Projek : JKP / 13 / 2010

Dokumen dan Lukisan Tawaran boleh didapati dan dilihat di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran Buka :
30 Jun, 2010 (Rabu)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
14 Julai, 2010

**Tarikh Tutup Tawaran :
20 Julai, 2010 (Selasa)
(tidak lewat jam 2.00 petang)**

**Tempat Tutup :
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.**

Yuran Tawaran & Dokumen :
\$500.00
(Tidak dikembalikan)

Waktu Pembayaran Yuran Tawaran dan Yuran Dokumen/ Lukisan Tawaran

Bulan Biasa:
Isnin - Khamis :
8.00 Pagi - 2.30 Petang
Sabtu :
8.00 Pagi - 10.30 Pagi

**JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN SYARAT-
SYARAT TAWARAN**

1. Tawaran-tawaran hendaklah di masukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.

2. Tawaran ditutup pada **hari Selasa, 20 Julai, 2010 tidak lewat jam 2.00 petang.** Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan Tajuk dan Bilangan Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Perancangan Projek, Tingkat 1, Negara Brunei Darussalam.

5. Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran dan lukisan adalah **tidak lewat daripada**

hari Sabtu, 14 Julai, 2010, jam 2.00 petang.

5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran - tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Tawaran akan dikira sah laku tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.

9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan : LTN/4(39/1997).

10. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Pemilik Syarikat dan Kad Pengenalan asal wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR KELAS II

Bilangan Tawaran : KHEU/BDP/LTK/022/2010

MENAIK TARAF BANGUNAN-BANGUNAN DAN KAWASAN-KAWASAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA - Kerja-Kerja Pendawaian Baru, Peningkatan Taraf Barang dan Perkakas Elektrik dalam Bangunan Lama KHEU dan Bangunan Madrasah, Kementerian Hal EHWal Ugama (Electrical Installation) (Phasa 2)

Yuran dokumen : **\$100.00** (Tidak dikembalikan)
Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran: Jam 2.30 petang, 13 Julai 2010.
Tarikh Tutup : 20 Julai 2010, jam 2.00 petang.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah di masukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal EHWal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910, Negara Brunei Darussalam (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen Tawaran) tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Selasa seperti tarikh yang telah ditetapkan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah didapati dan diperolehi dari Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal EHWal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam. Jumlah Yuran adalah seperti berikut.

5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada berjaya atau yang tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.

7. Tawaran-Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN URUSAN HAJI
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

NAMA-NAMA SYARIKAT YANG DIBENARKAN MENGENDALIKAN PERKHIDMATAN PAKEJ URAH DAN PAKEJ HAJI BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN MULA 1431 HIJRAH HINGGA 1433 HIJRAH

1. DARUSSALAM HOLDING SDN BHD
Sudut Taibah, Tingkat 1, Kompleks Setia Kenangan, Kampung Kiulap, BE 1518, Negara Brunei Darussalam.
No. Tel : 2231964 / 2231965 / 2238160 / 2238161

No. Fax: 2231966
Laman Web :
www.darussalamholdings.com
2. HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN BHD
F1 Teck Guan Plaza Room 56-60, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
No. Tel: 2220511 / 2232151
No. Fax: 2240692
E-Mel :
humairatravel@yahoo.com
3. ANTARA TRAVEL & TOURS
D1 1st Floor, Shakirin Complex,

Simpang 88, Kampung Kiulap, Gadong, P. O. Box 1283, Bandar Seri Begawan, BS8672, Negara Brunei Darussalam.
No. Tel : 2237935 / 2237936
No. Fax: 2237937
E-Mel :
antara@brunet.bn
4. STRAITS CENTRAL AGENCIES SDN BHD
No. 2, Ground Floor, Seri Anigma, Simpang 88, Kampung Kiulap, Bandar Seri Begawan BE1518, Negara Brunei Darussalam.
No. Tel : 2224054/2229356/2243800
No. Fax: 2229355
Laman Web :
www.straitscentral.com



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMBERITAHUAN TAWARAN

8.00 - 11.00 pagi
2.00 - 3.30 petang

Projek : **Library Extension** (Phase 1)

Bil. Tawaran : **UBD/E8/07/10**

Yuran Tawaran : **\$1,000.00**

Tarikh Dibuka : **26 Mei 2010,**

Tarikh Tutup : **20 Julai 2010.**

Keterangan : Tarikh terakhir bagi mengambil dokumen pada **13 Julai 2010.**

Penghantaran Tawaran :

**Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan,
Blok A, Tingkat 1,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan [A],
Berakas, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.**

Pengambilan Tawaran :

Pejabat Bendahari, Blok Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam.

Waktu Mengambil Tawaran :

Isnin-Khamis dan Sabtu :

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tarikh mengambil dokumen adalah seminggu sebelum tarikh tutup.

2. Bayaran yuran tawaran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai.

3. Tawaran-Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian dan diterima setelah tarikh tutup tidak akan dilayan.

4. Penender akan dikenakan denda mengikut undang-undang Lembaga Tawaran Negara sekiranya menarik diri atau membatalkan tawaran/kontrak yang telah pun diluluskan atau selepas tarikh tawaran ditutup.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Pejabat Estet, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410.

Tel: +673 2463001 ext 2130 / 2288
Fax: +673 2460552 / 2461554.

Tunggangi motosikal dengan berdisiplin, selamat

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Jun. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal mengingatkan kepada ahli Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) supaya membantu penunggang-penunggang motosikal muda dengan cara menunggang motosikal yang berdisiplin dan selamat serta menghormati pengguna jalan raya yang lain.

Beliau berkata, apabila seseorang penunggang motosikal berada di jalan raya ia bertanggungjawab atas keselamatan dirinya sendiri dan para pengguna jalan raya yang lain.

Beliau membuat peringatan itu ketika berucap merasmikan Pesta Big Bike Antarabangsa Pulau Borneo Ke-11 (BIIBBF) atau 11th Borneo Island International Big Bike Festival di kawasan Jalan Sultan di ibu negara.

Menurutnya, dengan terlaksananya BIIBBF Ke-11 ia bukan saja dapat mengeratkan tali silaturahmi di kalangan *big bikers riders* malah secara tidak langsung ia juga boleh mengeratkan lagi hubungan berjiran dengan negeri-negeri di kepulauan Borneo.

"Saya sangat-sangat bangga dengan usaha kelab-kelab motosikal di negara ini terlibat bukan saja kegiatan menunggang motosikal tetapi juga terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang berkeadilan dan sosial," jelasnya.

PEMODA tambahnya, juga menggalakkan kelab-kelab motosikal berkuasa tinggi yang lain di negara ini supaya menunggangkayahkan kegiatan-kegiatan yang positif dan berfaedah.

Pada BIIBBF Ke-11 lebih 360 peserta terdiri dari penunggang motosikal berkuasa tinggi dari Sabah, Sarawak, Pontianak (Kalimantan), Wilayah Persekutuan Labuan dan PEMODA mengambil bahagian yang mewakili 19 persatuan dan kelab motosikal dan jumlah ini belum termasuk penunggang yang belum berdaftar yang keseluruhannya lebih 500 peserta.

Sepanjang BIIBBF Ke-11 berlangsung para peserta telah mengadakan lawatan ke Kampung Ayer dan tempat-tempat menarik lain di ibu negara.

Selain itu beberapa acara sampingan telah disusun oleh penganjur antaranya pameran motosikal yang mengambil bahagian, sukan-sukan persahabatan, cabutan bertuah dan pertukaran cenderamata di kalangan presiden-presiden persatuan dan kelab motosikal Borneo.

Sabah bakal penganjur BIIBBF Ke-12 tahun depan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Dato Paduka Awang Haji Jemat semasa merasmikan *Borneo Island International Big Bike Festival Ke-11* berlangsung di ibu negara. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Masyarakat diseru sama-sama membantu membangunkan pendidikan agama

Oleh : Hajah Roziana Haji Mahmud
(Pelajar Tahun 3 UBD, Penempatan di Jabatan Penerangan)

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Jun. - Masyarakat diseru untuk turut sama membantu Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam bagi membangunkan pendidikan agama, dengan sama-sama memantau dan membimbing anak-anak.

Dengan adanya kerjasama secara langsung dan tidak langsung, objektif yang hendak dicapai lebih cepat dan mantap seperti apabila anak-anak berada di rumah, ibu bapa sendiri turut memerhatikan dan turut membimbing anak masing-masing seperti bersembahyang jemaah dan membaca Al-Qur'an iaitu bukannya hanya memerhatikan anak-anak mereka sembahyang bersendirian sementara ibu bapa pula bersembahyang secara bersejajaran.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menyatakan demikian semasa menghadiri Majlis Membaca Ratib Al-Attas dan Membaca Doa Tolak Bala di

Sekolah Ugama Panchor Murai, Kawasan Brunei IV.

Menurutnya, jika guru cemerlang insya-Allah akan melahirkan anak-anak murid yang cemerlang dan guru-guru agama diharapkan dapat menyampaikan mata pelajaran agama dengan menarik, berkesan (efektif), menyeronokkan dan tidak membosankan mungkin dalam bentuk cerita dengan menggunakan ICT, VCD dan sebagainya.

"Jabatan Pengajian Islam (JPI) hendaklah bertindak cepat ke arah penguasaan ilmu ICT bagi sesetengah guru agama dan bagi sebahagian yang sudah berkemahiran pula membantu yang belum mahir perlu diaturnya kursus-kursus yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti guru-guru agama," jelasnya.

Ketibaan Yang Berhormat dialu-alukan oleh Pemangku Penolong Pengerah Pengajian Islam, Dayang Siti Mariam binti Awang Md. Daud; Pegawai Pengajian Islam Kawasan Brunei IV, Dayang Hajah Hinah binti Haji Saban dan Guru Be-



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa melawat salah sebuah bilik darjah yang terdapat di Sekolah Ugama Panchor Murai, Kawasan Brunei IV. - Foto: Mohd. Shahrizal Haji Said.

nar Sekolah Ugama Panchor Murai, Dayang Hajah Rasidah binti Haji Jumat.

Majlis bermula dengan bacaan Al-Qur'an oleh Dayang Nurhazirah Hazwani binti Hamdan daripada murid Darjah V dan diteruskan dengan bacaan Ratib Al-Attas serta bacaan Doa Tolak Bala oleh guru sekolah berkenaan, Awang Haji Mohammad Rudzaini bin Haji Mohammad.

Acara diteruskan dengan taklimat ringkas dari guru besar sekolah berkenaan dan kemudian Yang Berhormat melihat

secara dekat kemudahan-kemudahan di sekolah dan persekitaran bangunan sekolah.

Turut serta dalam rombongan tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Mahdi bin POK-DSDDLU Haji Awang Abd. Rahman; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Ismail bin Haji Manap serta pegawai-pegawai

wai kanan dari KHEU dan JPI.

Hadir sama ialah Penghulu Mukim Pengkalan Batu dan Ketua Kampung Panchor Murai, guru-guru Sekolah Ugama Panchor Murai serta murid-murid Darjah IV, V dan VI.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menghindari dan memelihara Negara Brunei Darussalam dari jangkitan wabak influenza A (H1N1) serta membiasakan semua pelajar mengamalkan bacaan Ratib Al-Attas sebagai amalan mereka.

Rakyat, penduduk diseru mengibarkan bendera

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Isnin, 28 Jun. - Pengerah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi Muhammad Melayong menjelaskan, tujuan kempen mengibarkan bendera diadakan bagi memaklumkan dan mengingatkan rakyat dan penduduk negara ini supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai warga negara yang bernaung di bawah payung pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengibarkan bendera negara, bendera peribadi dan bendera masing-masing mulai dari 1 hingga 31 Julai ini.

Pengerah Penerangan berkata, di samping memeriahkan lagi sambutan

Hari Keputeraan baginda, pengibaran bendera juga sebagai tanda menyatakan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala sambil merasakan kegembiraan kerana mengurniakan seorang raja yang adil, berdaulat dan kuat beragama yang sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal kebajikan serta kesejahteraan rakyat.

Dr. Haji Muhammad Hadi menyatakan demikian di Majlis Kempen Mengibarkan Bendera 2010 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-64 tahun anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia serta Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pekan Belait yang diadakan di Dewan Bandaran hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mawardi Haji Abdullah yang menyempurnakan penyampaian bendera negara kepada 100 penduduk Kampung Pekan Belait yang terpilih.

Selain itu mengibarkan bendera juga kata Pengerah Penerangan melambungkan semangat patriotisme kepada negara, raja dan agama, yang secara tidak langsung menggambarkan rasa ketaatan rakyat dan penduduk negara ini kepada kepimpinan baginda sebagai raja yang disayangi oleh semua lapisan masyarakat sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam dan berdasarkan kepada Adat Istiadat Diraja Brunei.

"Ketaatan dan kesetiaan seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara ini kepada kepimpinan baginda

dan kerajaan baginda merupakan kunci utama dan ramuan penting dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan yang kita nikmati selama ini," ujar beliau.

Beliau menegaskan taat setia yang tidak berbelah bahagi merupakan kewajipan yang patut dipikul negara ini untuk sama-sama mendaulatkan kedudukan baginda sebagai seorang pemimpin bagi melahirkan sebuah negara yang diberkati Allah Subhanahu Wata'ala serta membawa nikmat kesejahteraan kepada rakyat.

Pengibaran bendera juga katanya melambungkan kesatuan dan kekuatan hidup rakyat Brunei yang berlainan keturunan, budaya, agama dan adat resam tetapi hidup rukun damai, bersatupadu dan bekerjasama dalam mendo- kong hasrat dan inspirasi

negara dibawah kepimpinan raja yang dikasihi.

Beliau berharap kerjasama dan hubungan silaturahmi tersebut akan hidup subur bagi mengekalkan tradisi cara hidup Melayu Islam Beraja (MIB) yang telah diwarisi lebih 600 tahun lalu.

Bersempena perayaan sambutan Hari Keputeraan baginda itu juga beliau menyeru para pekedai, gedung perniagaan dan orang perseorangan supaya menggantikan gambar potret wajah baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri yang sudah kabur dan berubah warna.

Beliau menyatakan orang ramai boleh mendapatkan potret baginda berdua di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Bandar Seri Begawan dan cawangan-cawangannya di empat-empat daerah.

Majlis diserikan dengan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mawardi Haji Abdullah semasa menyampaikan bendera kepada seorang penerima.

ceramah khas oleh Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Pengiran Haji Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin diikuti dengan deklamasi puisi 'Kibarkan Bendera Negara' yang disampaikan oleh

Awang Haji Jawawi bin Haji Ahmad dan Awang Haji Abang Muhammad Saiful Aslam bin Abang Zahhor dan seterusnya tayangan klip video 'Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara'.

Muhd. Raihan raih emas berbasikal cross country mountain bike



Oleh :
Abdullah Asgar

TUTONG, Ahad, 27 Jun. - Pelumba kebangsaan dan SUKMA bukanlah saingan bagi peserta Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-9 khasnya dalam acara sukan berbasikal kerana sesi tahap latihan yang membezakan kebolehan mereka.

Ini jelas dengan pingat emas pertama PSK Ke-9 dalam acara berbasikal *cross country mountain bike* milik Muhd. Raihan Haji Abd. Aziz yang mencatat masa 1 jam 39 minit 48.12 saat.

Muhd. Raihan mengalahkan 18 pelumba lain untuk bergelar juara PSK Ke-9 acara *cross country* di Bukit Ambok sejauh 20 kilometer, beliau juga baru saja pulang daripada



KATEGORI Rentas Desa sejauh lapan pusingan berjaya didominasi oleh pelumba basikal negara Muhammad Raihan (kiri) dari kontinjen Tutong dalam masa satu jam tiga puluh enam minit, diikuti oleh Alexander Chung Kwei Ming dari kontinjen Polis (kanan) dan Md. Rafiuddin Haji Zakaria dari kontinjen Brunei dan Muara. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

menyertai SUKMA di Melaka baru-baru ini yang membawa pingat gangsa bagi acara berpasukan lumba basikal lebuhraya.

Pingat perak milik pelumba Majlis Sukan Polis, Alexander Chung Kwei Ming yang ketinggalan 2 minit 25 saat di belakang, manakala pingat gangsa diraih oleh pelumba Daerah Brunei dan Muara, Md. Rafiuddin bin Haji Zakaria yang tertinggal lebih enam minit daripada pemenang pingat emas, Md. Rafiuddin juga

merupakan peserta SUKMA Melaka yang membawa kejayaan pingat gangsa di acara yang sama.

Hanya empat pelumba daripada 18 peserta yang berjaya menamatkan perlumbaan selebihnya gagal. Mereka termasuk kesemua peserta Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Daerah Brunei dan Muara, Daerah Temburong, Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Daerah Belait tidak menyertai di acara ini.

Hadir menyampaikan pingat-pingat kepada pemenang ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad bin Haji Abd. Rahman.

Majlis penyampaian pingat-pingat berlangsung di Kompleks Sukan Tutong di sini, sementara itu acara *down hill* yang dijadualkan berlangsung di Bukit Ambok terpaksa dibatalkan kerana hujan lebat dan hanya akan dijalankan pada 29 Jun.

Kontinjen Daerah Brunei dan Muara kutip empat lagi pingat emas

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Jun. - Kontinjen Daerah Brunei dan Muara (DBM) terus menambah kutipan pingat emas apabila mengutip empat daripada tujuh pingat dalam acara taekwondo yang diadakan di Kompleks Sukan RBA.

Ahmad Zawawi mengutip pingat emas pertama dalam acara *Fin Lelaki* setelah menewaskan Azman dari Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dengan kiraan 3-1 dan menumpaskan Eddy Amerol Lizamsah dari Daerah Tutong dengan kiraan 4-0 diperingkat separuh akhir.

DBM terus menguasai gelanggang apabila Md. Fathullah dengan mudah menyingkirkan Shaherol Rizal dari MS ABDB dengan kiraan 9-1 dalam acara *Bantam Lelaki*, manakala dalam acara *Feather Lelaki* Md. Yazid menang ke atas Md. Fakhurul dari Daerah Belait dengan kiraan 5-1.

DBM melengkapkan kutipan emasnya yang keempat menerusi Chua Lee Chue dengan mengalahkan Dayangku Nur Qayyimah Bazilah dalam

acara *Bantam Wanita* dengan kiraan 8-2.

BSP mengutip pingat emas menerusi acara *Feather Wanita* menerusi Chin Sze Yin apabila menumpaskan atlet DBM Shaidatul Nurfarahin Nazura dengan kiraan 4-1, manakala Wilayah Persekutuan Labuan memenangi acara *Middle Wanita* apabila atletnya Jaclyn Lim Shu Yen menumpaskan Nurdiana Azyanee dari Institut Pengajian Tinggi dengan kiraan 9-4.



PARA pemenang taekwondo lelaki bergambar ramai bersama pingat masing-masing (atas), sementara gambar bawah, para peserta semasa beraksi dalam perlawanan taekwondo.



Mohd. Yunus, Alina, kutip satu pingat emas

Oleh :
Bolhassan
Haji Abu Bakar

MUKIM MENTIRI, Isnin, 28 Jun. - Mohd. Yunus Haji Abd. Hamid yang mewakili Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dan Dayang Alina Haji Ali dari kontinjen Daerah Tutong, masing-masing mengutip pingat emas dalam Kejohanan Sukan Lawan Pedang di Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Kali Ke-9.

Mohd. Yunus Haji Abd. Hamid yang mewakili Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) berjaya merangkul pingat emas setelah menewaskan Huzaimi Haji Abd. Kassim dari Daerah Brunei dan Muara dalam perlawanan peringkat akhir acara *Perseorangan Sabre Lelaki* dalam kejohanan tersebut.

Tempat ketiga bersama pula disandang oleh kedua-dua peserta yang mewakili Daerah Tutong iaitu Pengiran Shah Al-Mustain Billah Pengiran Haji Azahari dan Mohd. Hafizuddin Haji Awang Damit dalam perlawanan yang berlangsung di Kelab Perkhidmatan Awam, Mentiri.

Sementara itu Alina Haji Ali telah menyumbang



AKSI pemain pedang lelaki di Pesta Sukan Kebangsaan. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

pingat emas bagi kontinjen Daerah Tutong dalam perlawanan peringkat akhir acara *Perseorangan Epee Perempuan* dengan mengalahkan Maria Haji Ismail yang mewakili Majlis Sukan ABDB.

Manakala Yumni Hamidah Hamdani yang mewakili Daerah Brunei dan Muara dan Nor Azlina Mohd. Radin dari Majlis Sukan ABDB, masing-masing menduduki tempat ketiga bagi acara *Perseorangan Epee Perempuan*.

Hanya tiga kontinjen yang terdiri daripada Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Majlis Sukan ABDB menyertai Kejohanan Sukan Lawan

Pedang yang bermula hari ini hingga 2 Julai 2010 depan.

Kejohanan yang diselenggarakan oleh Persekutuan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam berlangsung selama lima hari dengan mempertandingkan acara *Foil*, *Epee* dan *Sabre Lelaki* dan *Perempuan Kategori Perseorangan dan Berpasukan*.

Sistem yang digunakan dalam kejohanan ini ialah mengikut sistem dan peraturan Pertubuhan Lawan Pedang Antarabangsa (F.I.E) bahasa penghantaran adalah bahasa Melayu dan jika terdapat terjemahan yang kurang tepat, bahasa Inggeris akan digunakan.

Pusingan awal bagi acara perseorangan dijalankan secara *round robin* yang mana setiap pertandingan akan mendapat lima mata atau mengambil masa selama tiga minit, manakala pusingan eliminasi, separuh akhir dan akhir akan dipertandingkan selama 9 minit atau mendapat 15 mata.

Bagi acara berpasukan pula mengambil kira pencapaian peserta dalam acara perseorangan yang terdahulu dan pertandingan akan ditentukan mengikut sistem eliminasi, keputusan kemenangan bagi pasukan yang terdahulu mendapat jumlah mata sebanyak 45 atau dalam masa selama 27 minit.

Ahmad Taufiq, capai emas acara Perseorangan 8-Ball Pool

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Jun. - Awang Ahmad Taufiq, atlet acara pool perseorangan menambah kutipan pingat emas bagi kontinjen Daerah Brunei dan Muara (DBM) setelah menjuarai acara *Perseorangan 8-Ball Pool* (Sukan Kiu) Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-9 yang berlangsung di Dewan Billiard dan Snooker Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Pingat perak milik Teo Chee Soon mewakili Tutong dan gangsa diraih Awangku Md. Saiful Azri dari DBM.

Bagi acara berpasangan pingat emas dirangkul oleh pasangan Rosli Haji Omar dan Pengiran Zaini dari Majlis Sukan ABDB, sementara perak disandang oleh

pasangan Lim Han Lun dan Lim Young Wee mewakili Daerah Brunei dan Muara, manakala gangsa diraih oleh pasangan Abd. Rahman dan Haji Kamarulzaman dari Temburong.

Sementara itu dalam acara *10-Ball Pool Berpasangan* pingat emas dikutip oleh pasangan Teo Chee Soon dan Md. Alias dari Daerah Tutong, perak milik pasangan Daerah Brunei dan Muara, Amran Shah dan Lim Chrang Hui, manakala meraih gangsa disandang pasangan Muhd. Azim dan Fadzillah atlet dari Institut Pengajian Tinggi.

Kebawah DYMM utus tahniah kepada Presiden Filipina dan Kanada

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Benigno Smeon C. Aquino III bersempena pelantikannya sebagai Presiden Republik Filipina.

Dalam titah perutusan tersebut, baginda berharap Tuan Yang Terutama akan memperolehi kejayaan besar dalam jawatannya yang baharu dan berharap semoga akan dapat berkerja rapat bersama-sama dengan TYT untuk mengukuhkan lagi hubungan yang erat lagi mesra yang dinikmati oleh kedua-dua buah negara secara dua hala dan sebagai rakan kongsi dalam ASEAN.

Pada mengakhiri ucapan tahniah tersebut,



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Benigno Smeon C. Aquino III dan Gabenor-General Kanada, Puan Yang Terutama Michaelle Jean.

baginda menyampaikan ucapan selamat sejahtera kepada TYT.

Sementara itu, pada Khamis, 1 Julai yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menghantar perutusan-perutusan tahniah

kepada Puan Yang Terutama Michaelle Jean dan kepada Tuan Yang Terutama Stephen Joseph Harper Perdana Menteri Kanada berserta kerajaan dan rakyat Kanada sempena dengan Hari Kanada.

Dalam perutusan baginda kepada, Gabenor-General Kanada itu, ba-

ginda merakamkan penghargaan tinggi baginda terhadap persahabatan dan hubungan erat yang terjalin antara kedua-dua buah negara dan berharap supaya hubungan sedemikian akan dapat dipertingkatkan lagi di tahun yang akan datang.

Sementara itu, dalam perutusan baginda kepada

Perdana Menteri Kanada, baginda juga berharap akan berpeluang di masa yang akan datang untuk terus mengukuhkan persahabatan dan hubungan antara kedua-dua buah negara yang sangat bernilai itu.

Pada mengakhiri perutusan baginda itu, baginda menyampaikan sa-

lam muhibah dan kesejahteraan kepada Puan Yang Terutama Michaelle Jean dan kepada Tuan Yang Terutama Stephen Joseph Harper.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Kanada, Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Lawrence Cannon sempena Hari Kanada pada 1 Julai 2010.

Dalam perutusan DYTMM merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada TYT, kerajaan serta rakyat Kanada bersempena Hari Kanada negara tersebut.

DYTM seterusnya melahirkan bahawa dengan mengukuhkan Sidang Kemuncak G8 dan G20 telah mencerminkan sumbangan besar Kanada kepada hal ehwal dunia dan Negara Brunei Darussalam merasa sukacita untuk menjadi teman dan rakan kongsi di dalam pelbagai pertubuhan dan persatuan antarabangsa.

Dalam mengakhiri perutusan tersebut, DYTMM mengucapkan selamat menyambut Hari Kanada dengan meriah dan semoga mendapat kesenangan dan kesejahteraan yang berpanjangan.

Dari muka 1

Sehingga kini Mei 2010, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan tanah seluas 3,767 hektar untuk pembinaan rumah-rumah di bawah Skim Perumahan Negara yang telah berjalan sejak tahun 1984.

Setakat ini juga sejumlah 1,693 lot tanah, 6,441 rumah dan 296 rumah teres yang membawa kepada jumlah keseluruhan 8,430 rumah telah diserahkan. Projek ini merangkumi kawasan Daerah Brunei dan Muara terdiri dari Kampung-kampung Lambak Kanan, Rimba, Mentiri, Serasa, Meragang dan Kampung Tanah Jambu, kawasan Daerah Belait meliputi Kampung-kampung Pandan, Lumut/Sungai Liang dan Lorong Tengah, Daerah Tutong terletak di Kampung Bukit Beruang dan di Daerah Temburong terletak di Kampung Rataie.

Sementara itu di bawah STKRJ pula, sejumlah 3,578 buah telah diserahkan. Ini membawa jumlah keseluruhan kepada 12,008 buah rumah telah pun diserahkan kepada rakyat dan penduduk di seluruh negara bagi kedua-dua skim tersebut.

Dalam usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memeduli kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini, kira-kira 17,500

buah rumah akan siap dibina sehingga tahun 2014. Mengikut program pelaksanaan projek-projek perumahan yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Kerja Raya, lebih 10,000 buah rumah sedang dan akan dibina dan dijangka siap sehingga tahun 2012. Manakala itu 7,500 buah rumah lagi sedang dan akan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan dijangka siap sehingga tahun 2012 dan 2014.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus komited dan sentiasa berusaha gigih meningkatkan pemedulian ke arah meningkatkan lagi kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata termasuklah dalam penyediaan rumah-rumah dan lot-lot tanah di negara ini di bawah kedua-dua skim perumahan berkenaan.

Terdahulu sebelum itu keberangkatan tiba baginda di Dewan Sekolah Rendah Dato Basir di Jalan 77, RPN Lambak Kanan dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi; Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi; Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong; Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Pegawai DBM, Awang Haji Jamain bin Momin.

Dari muka 1



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar ketika menyerahkan bendera rasmi negara kepada pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan doa selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Mustapha bin Haji Murad.

Majlis disusuli dengan 64 orang Pembawa Bendera Besar Negara Brunei Darussalam terdiri dari anggota-anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dan Jabatan Penjara bergerak masuk diiringi oleh Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei (PDB).

Pasukan pembawa bendera terdiri dari anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei juga bergerak masuk diiringi oleh Pasukan Pancaragam PDB.

Setelah itu, penyerahan Bendera Besar disempurnakan oleh tetamu kehormat di-

iringi lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu 'Bendera Negara Brunei Darussalam' dinyanyikan oleh pasukan koir terdiri dari pegawai dan kakitangan dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta penuntut-penuntut sekolah diiringi oleh Pasukan Pancaragam PDB.

YAM seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera rasmi negara berukuran 1.8 meter x 3.7 meter kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pegawai Daerah Belait, Pemangku Pegawai Daerah Tutong dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Bendera Besar berkibar megah di tengah-tengah ibu negara sehingga 31 Julai.

Pertukaran dan pelantikan Setiausaha Tetap



DATO Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Mangarshah ditukar menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



HAJI Awang Saifulbahri bin Haji Awang Mansor dilantik menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 2 Julai. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei telah mengurniakan titah perintah bagi pertukaran dan pelantikan pegawai-pegawai berikut:

Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Mangarshah, Setiausaha Tetap II, Kementerian Pertahanan ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menjadi Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Haji Awang Saifulbahri bin Haji Awang Mansor, Timbalan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri dilantik menjadi Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, tarikh pertukaran dan pelantikan pegawai-pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai hari Sabtu, 20 Rejab 1431 bersamaan 3 Julai 2010.

'ILAHIL SELAMATKAN BRUNEI DARUSSALAM'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.